

SEJARAH DAN PERKEMBANGAN

BAHASA MELAYU

BAHASA MELAYU MODEN

1. PENGENALAN

- Bahasa Melayu moden merupakan bahasa yang telah mengalami pelbagai perubahan berbanding dengan bahasa Melayu yang sebelumnya.
- Bahasa Melayu pada zaman ini semakin mantap dari aspek tatabahasa, ejaan, dan larasnya, selari dengan perkembangan dunia.

2. KONSEP BAHASA MELAYU MODEN

- Bahasa Melayu moden ialah bahasa Melayu yang berkembang pada pertengahan abad ke-19, yang dipercayai dicetuskan oleh Abdullah bin Abdul Kadir Munsyi.
- Bahasa Melayu ini mewarisi ciri bahasa Melayu klasik tetapi fungsinya lebih besar.
- Menurut Nik Safiah Karim *et al* (2008:36-37), bahasa Melayu kini berpotensi tinggi, mengalami perubahan dan menjadi alat perhubungan dan alat menyampaikan buah fikiran dan perasaan.

3. CIRI BAHASA MELAYU MODEN

- Bahasa ini bersifat dinamik, iaitu mudah menerima kemasukan bahasa asing, khususnya bahasa Eropah, dalam usaha memperlengkap pengungkapan pelbagai bidang ilmu.
- Dengan sifat dinamikinya, bahasa Melayu moden mempunyai pelbagai variasi dan laras dan dapat menerima bidang ilmu baharu dari semasa ke semasa.
- Pengembangan bahasa Melayu moden dirancang oleh badan yang ditubuhkan khas, Dewan Bahasa dan Pustaka dari segi taraf, fungsi dan korpus untuk menjadikannya alat komunikasi yang sempurna.
- Bahasa Melayu moden dijadikan bahasa kebangsaan Malaysia (Perkara 152 dalam Perlembagaan Persekutuan) semenjak 1957 dan bahasa rasmi dalam urusan pentadbiran (Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67).

4. TAHAP PERKEMBANGAN BAHASA MELAYU MODEN

- Perkembangannya bermula pada pertengahan abad ke-19, iaitu sebelum Malaysia memperoleh kemerdekaan.
- Bahasa Melayu moden berkembang dengan lebih pesat selepas merdeka dengan mendukung pelbagai fungsi.
- Perkembangannya dibincangkan berdasarkan dua tahap, iaitu sebelum merdeka (pramerdeka), dan selepas merdeka (pascamerdeka)

4.1 Bahasa Melayu Moden Pramerdeka

- Sebelum Perang Dunia Kedua, bahasa Melayu masih digunakan untuk tujuan urusan rasmi di Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu dan di jabatan polis di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu.
- Pegawai-pegawai Inggeris yang bertugas di negeri-negeri Melayu dikehendaki mempelajari bahasa Melayu dan lulus peperiksaan sebelum disahkan jawatan.
- Banyak pegawai Inggeris yang menguasai bahasa Melayu dengan baik, antaranya R.O. Winstedt, J.R. Wilkinson, W. Marsden, W.G. Shellabear, J. Crawford, C.C. Brown, dan W.E. Maxwell.
- Selepas Perang Dunia Kedua, kedudukan bahasa Melayu tergugat apabila British mengutamakan bahasa Inggeris dengan menjadikannya bahasa pengantar di sekolah, kelulusannya menjadi asas untuk mendapat kedudukan tinggi, dan menjadi bahasa pentadbiran.
- Pegawai-pegawai British yang menguasai bahasa Melayu turut memberikan sumbangan tersendiri dalam perkembangan bahasa Melayu pada zaman pramerdeka ini. Mereka menghasilkan penulisan tentang sistem bahasa Melayu, kesusasteraan Melayu, sejarah, politik, dan geografi.

4.2 Bahasa Melayu Moden Pascamerdeka

- Perkembangan bahasa Melayu moden bermula semenjak negara masih belum merdeka.
- Desakan untuk memperkasakan kedudukan bahasa Melayu muncul dalam tiga Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu (1952, 1954, dan 1958).
- Laporan Razak (1956) turut mencadangkan supaya bahasa Melayu dijadikan mata pelajaran wajib di semua sekolah rendah dan menengah bantuan kerajaan.
- Pada zaman ini telah terdapat akta-akta yang menyentuh hal kedudukan bahasa Melayu, malahan telah ditubuhkan institusi yang bertanggungjawab untuk mengembangkan bahasa kebangsaan.

(a) Akta-akta yang Berkaitan dengan Pelaksanaan Bahasa Melayu

- (i) Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan
 - Perlembagaan Persekutuan Malaysia melalui Perkara 152 (1) menetapkan bahawa bahasa Melayu dijadikan bahasa kebangsaan:

152. Bahasa Kebangsaan

(1) Bahasa kebangsaan ialah bahasa Melayu dan hendaklah ditulis dalam apa-apa tulisan sebagaimana yang diperuntukkan dengan undang-undang oleh Parlimen”

- Peruntukan itu tidak melarang atau menghalang penggunaan bahasa lain secara tidak rasmi (“...lain daripada maksud *rasmi*,...), atau pengajaran dan pembelajaran bahasa lain [Perkara 152 (1)(a)].
- Peruntukan juga tidak menyentuh hak kerajaan Negeri atau Persekutuan untuk meneruskan penggunaan atau pengajian mana-mana bahasa kaum lain dalam Persekutuan [Perkara 152 (1)(b)].
- Perkara 152 (6) pula menjelaskan bahawa *maksud rasmi* dalam 152 (1)(a) ditujukan kepada apa-apa sahaja maksud (tujuan) kerajaan, sama ada kerajaan Persekutuan atau kerajaan Negeri, dan pihak berkuasa awam.
- Pemaktuban bahasa Melayu ini menunjukkan bahawa bahasa Melayu berada pada kedudukan yang jelas statusnya, tinggi dan istimewa dalam perundangan negara.

- (ii) Akta Dewan Bahasa dan Pustaka 1959
- Akta ini diluluskan oleh Parlimen (1959) yang asalnya dikenali sebagai Ordinan Dewan Bahasa dan Pustaka.
 - Di bawah ordinan itu, Lembaga Pengelola Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) ditubuhkan untuk membentuk dan melaksanakan dasar-dasar untuk mencapai matlamat DBP.
 - Akta tersebut menjadikan DBP sebagai badan berkanun dan mempunyai kuasa autonomi untuk menggubal dasar yang khusus dan sesuai dengan matlamatnya.
 - Akta DBP 1959 telah disemak pada tahun 1973, dan dibuat pindaan dan peluasan pada tahun 1995, lalu dikenali sebagai Akta DBP (Pindaan dan Perluasan) 1995.
- (iii) Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67
- Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 terbentuk daripada gabungan dan penyesuaian antara akta 1963 dengan akta 1967 sebelumnya.
 - Akta ini berkuat kuasa mulai 1 Julai 1971, tetapi telah dipinda pada tahun 1983.
 - Mengikut Seksyen 2, bahasa kebangsaan hendaklah digunakan bagi maksud-maksud rasmi.
 - Mengikut Seksyen 8, segala prosiding di mahkamah hendaklah menggunakan bahasa kebangsaan atau dalam bahasa Inggeris, atau sebahagian-sebahagian
 - Mengikut Seksyen 9, tulisan bagi bahasa kebangsaan ialah tulisan Rumi tetapi penggunaan tulisan Jawi tidak dilarang.
 - Mengikut Seksyen 11, terjemahan borang dalam bahasa Melayu boleh diguna pakai.
 - Kesimpulannya, Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 Pindaan 1983 memartabatkan bahasa Melayu untuk kegunaan dalam urusan penting meskipun terdapat pengecualian tertentu yang melibatkan penggunaan bahasa lain.
- (iv) Akta Hasutan 1970
- Akta Hasutan diluluskan pada tahun 1948, dan dipinda pada tahun 1970.
 - Terkait dalam akta ini ialah bahawa perbuatan mempersoalkan kedudukan mana-mana bahasa akan dikira sebagai perbuatan menghasut dan boleh didakwa.
 - Melalui Perkara 10(4) Perlembagaan Persekutuan, kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi akan terjamin dan tidak boleh digugat.
- (v) Akta Pendidikan 1996
- Akta Pendidikan 1996 merupakan lanjutan daripada Ordinan Pelajaran 1961.

17. Bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama.

- (1) Bahasa kebangsaan hendaklah menjadi bahasa pengantar utama di semua institusi pendidikan dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan kecuali sekolah jenis kebangsaan yang ditubuhkan di bawah seksyen 28 atau mana-mana institusi pendidikan lain yang dikecualikan oleh Menteri daripada subseksyen ini
- (2) Jika bahasa pengantar utama di sesuatu institusi pendidikan adalah selain daripada bahasa kebangsaan, maka bahasa kebangsaan hendaklah diajarkan sebagai mata pelajaran wajib di institusi pendidikan itu.

- Mengikut Seksyen 17, bahasa kebangsaan menjadi bahasa pengantar utama di semua institusi pendidikan dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan kecuali sekolah jenis kebangsaan tertentu dan yang dikecualikan.
- Jika bahasa kebangsaan bukan bahasa pengantar, bahasa kebangsaan hendaklah diajarkan sebagai mata pelajaran wajib.

(b) Penubuhan Badan yang Bertanggungjawab Mengembangkan Bahasa Kebangsaan

- Penubuhan Dewan Bahasa dan Pustaka (22 Jun 1956)
 - Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) ditubuhkan di Johor Bahru hasil daripada resolusi Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu III.
 - Asalnya bertaraf jabatan kerajaan, tetapi menjadi badan berkanun apabila Parlimen meluluskan Akta Dewan Bahasa dan Pustaka (1959).
 - DBP mempunyai autonomi untuk menggubal dasar-dasar yang khusus, serta menyusun pembinaan dan pengembangan bahasa dan sastera menurut kebijaksanaan sendiri.
 - Badan ini terletak di bawah naungan Kementerian Pendidikan Malaysia.
 - Matlamat DBP mengikut Akta DBP (Semakan 1978, Pindaan dan Perluasan 1995) ialah,
 - membina dan memperkaya bahasa kebangsaan dalam semua bidang termasuk sains dan teknologi;
 - memperkembangkan bakat sastera, khususnya dalam bahasa kebangsaan;
 - mencetak atau menerbitkan atau membantu percetakan atau penerbitan buku-buku, majalah-majalah, risalah-risalah dan bentuk-bentuk lain kesusasteraan dalam bahasa kebangsaan dan bahasa-bahasa lain;
 - membakukan ejaan dan sebutan;
 - membentuk istilah-istilah yang sesuai dalam bahasa kebangsaan
 - menggalakkan penggunaan bahasa kebangsaan yang betul supaya digunakan secara meluas bagi segala maksud mengikut undang-undang yang sedang berkuat kuasa
- (Sumber: Laman Web Rasmi Dewan Bahasa dan Pustaka)*
- DBP bertanggungjawab melaksanakan perancangan bahasa Melayu tentang aspek tatabahasa, ejaan, sebutan, perkamusan, dan istilah.

5. SUMBANGAN TOKOH KEPADA PERKEMBANGAN BAHASA MELAYU MODEN

- Banyak tokoh asing dan tempatan yang menyumbangkan aktiviti dan idea dalam perkembangan bahasa Melayu moden.
- Tokoh-tokoh asing berperanan penting pada zaman pramerdeka, iaitu semasa British menjajah Tanah Melayu.
- Tokoh-tokoh tempatan kebanyakannya berperanan besar semasa sebelum merdeka dan setelah negara mencapai kemerdekaan.

5.1 Sumbangan Tokoh Asing

- Tokoh asing yang terlibat kebanyakannya terdiri daripada pegawai tinggi Inggeris yang sedang berkhidmat di Tanah Melayu.
- Mereka dapat menguasai bahasa Melayu kerana dasar Inggeris mahu pegawainya dapat berhubung dengan baik dengan orang tempatan, khususnya orang Melayu.



(a) Richard James Wilkinson (1867 – 1941)

<i>Perkara</i>	<i>Biodata</i>
Latar belakang	<ul style="list-style-type: none"> • Dilahirkan di Salonika, Greece; dikenali dengan nama R.J. Wilkinson • Mendapat pendidikan di Trinity College, Cambridge
Perkhidmatan	<ul style="list-style-type: none"> • Pemangku Pengarah Pendidikan di Pulau Pinang (1896-1898) • Pemangku Ketua Sekolah-sekolah di Negeri-Negeri Selat, Singapura (1898-1900) • Ketua Setiausaha kepada Residen British, J.W.W Birch di Perak (1906-1910) • Residen British di Negeri Sembilan (1910-1911) • Setiausaha Kolonial Negeri-Negeri Selat di Singapura (1911-1916)
Sumbangan	<ul style="list-style-type: none"> • Penulisan tentang bahasa Melayu: <ol style="list-style-type: none"> (i) <i>Malay Grammar</i> (bersama dengan R.O. Winstedt) (1913) (ii) <i>A Vocabulary of Central Sakai</i> (dialek masyarakat orang asli di Lembah Gopeng) (1915) (iii) <i>A English-Malay Dictionary</i> (bersama dengan R.O. Winstedt) (1932) • Memperkenalkan ejaan Rumi Melayu, dikenali sebagai Ejaan Rumi Wilkinson • Karya-karya lain, antaranya: <ol style="list-style-type: none"> (i) <i>Malay Beliefs</i> (1906) (ii) <i>A History of The Peninsular Malaya</i> (bersama dengan R.O. Winstedt) (1920). (iii) <i>Papers on Malay Subjects Part I-V.</i> (iv) <i>Papers on Malay Subject, Law Part 1-2: Introductory Skecth and tha Ninety-Nine Laws of Perak</i>



(b) Richard Olaf Winstedt (2 Ogos 1878 – 2 Jun 1966)

<i>Perkara</i>	<i>Biodata</i>
Latar belakang	<ul style="list-style-type: none"> • Dilahirkan di Oxford, England; lebih dikenali sebagai R.O. Winstedt. • Mendapat pendidikan di Magdalen College School, dan di New College, Oxford sehingga memperoleh ijazah sarjana.
Perkhidmatan	<ul style="list-style-type: none"> • Pegawai Daerah di Kuala Pilah (1913) • Berkhidmat di Jabatan Pendidikan (1916) • Presiden pertama Raffles College Singapura (1921-1931). • Setiausaha bagi Pesuruhjaya Tinggi bagi Negeri-negeri Melayu Bersekutu (1923) • Anggota Majlis Perundangan Negeri-negeri Selat (1924-1931) • Anggota FMS Federal Council (1927-1931). • Pensyarah, pembaca, dan Honorary Fellow dalam kajian bahasa Melayu di School Oriental Studies. • Ahli Jawatankuasa Penasihat Pejabat Tanah Jajahan Mengenai Pendidikan (1936-1939).
Sumbangan	<ul style="list-style-type: none"> • Penasihat di Pejabat Karang Mengarang di Sultan Idris Training College (SITC) (1924) bersama dengan O.T Dussek. • Menerbitkan 85 buah buku bacaan sekolah di bawah Malay School Series. • Menghasilkan buku tentang bahasa Melayu: <ol style="list-style-type: none"> (i) <i>Colloquial Malay: A Simple Grammar with Consorvations</i> (1920) (ii) <i>A Dictionary of Colloquial Malay-English and English-Malay</i> (1920)

	<ul style="list-style-type: none"> (iii) <i>Malay Grammar</i> (1913) (iv) <i>Notes On Malay Subjects</i> (1947) (v) <i>An Unabridged English-Malay Dictionary</i> (1958) (vi) <i>Kamus Bahasa Melayu</i> (1960). <ul style="list-style-type: none"> • Banyak menyalin dan menulis sejarah dan kesusasteraan di Tanah Melayu termasuk <i>Sejarah Melayu (The Malay Annals)</i>.
Gelaran/ Penghargaan	<ul style="list-style-type: none"> • Order of British Empire • Order of St Michael and St George daripada kerajaan British

(c) Oman Theodore Dussek (1886)

<i>Perkara</i>	<i>Biodata</i>
Latar belakang	<ul style="list-style-type: none"> • Dilahirkan di Surrey, England; lebih dikenali dengan nama O.T. Dussek
Perkhidmatan	<ul style="list-style-type: none"> • Guru di Allyne's Grammar School di England • Pembantu guru di Sekolah Tinggi Melaka (1912) • Pengetua di Kolej Melayu Melaka (1914) • Pengetua pertama di Sultan Idris Training College (SITC) (1922)
Sumbangan	<ul style="list-style-type: none"> • Menubuhkan Pejabat Karang Mengarang di SITC bersama dengan Za'ba dan dijadikan sebuah jabatan • Mementingkan pemberian ilmu kepada orang Melayu dengan menerbitkan buku bacaan umum melalui Pejabat Karang Mengarang • Menulis buku tentang bahasa, <i>Kitab Pelita Mengarang</i>, bersama dengan Mohd Hashim Haji Talib (1923) • Antara buku bidang lantulisannya ialah <i>Kitab Pedoman Guru Penggal 1 dan 2</i> (1926), <i>Kitab Hisab I, II, III, IV</i> (1926), <i>Kitab Ilmu Geometri</i> (1930), dan <i>Melawat ke Eropah</i> (1935)

(d) William Marsden (16 November 1754 – 6 Oktober 1836)

<i>Perkara</i>	<i>Biodata</i>
Latar belakang	<ul style="list-style-type: none"> • Dilahirkan di Verval • Mendapat pendidikan di Trinity College, Dublin • Ijazah Doktor Undang-undang Sivil dari Oxford University (1780)
Perkhidmatan	<ul style="list-style-type: none"> • Pegawai Syarikat Hindia Timur yang berkhidmat di Bengkulu, Sumatera (1771) • Setiausaha Utama Kerajaan
Sumbangan	<ul style="list-style-type: none"> • Menulis buku tentang tatabahasa dan kamus bahasa Melayu: <ul style="list-style-type: none"> (i) <i>A Dictionary of the Malayan Language</i> (1812) – kamus dwibahasa dengan bahagian Melayu-Inggeris dan Inggeris-Melayu (ii) <i>A Grammar of the Malayan Language</i> (1824) – tentang ejaan, morfologi dan sintaksis bahasa Melayu • Mengasingkan penulisan kamus daripada tatabahasa • Memperkenalkan sistem ejaan Rumi bahasa Melayu, dikenali sebagai Ejaan Marsden • Memperkenalkan pola keselarasan vokal bahasa Melayu • Kajiannya tentang bahasa Melayu bersifat ilmiah dan menggunakan pendekatan linguistik
Anugerah/ Penghargaan	<ul style="list-style-type: none"> • Keahlian Royal Society (1783) •

5.2 Sumbangan Tokoh Tempatan

- Tokoh tempatan yang memberikan sumbangan terdiri daripada tokoh pada zaman sebelum dan selepas merdeka.
- Mereka memberikan sumbangan dengan melaksanakan kegiatan kebahasaan dan menghasilkan buku tentang bahasa Melayu.



(a) Raja Ali Haji bin Raja Haji Ahmad (1809 – 1870)

Perkara	Biodata
Latar belakang	<ul style="list-style-type: none"> • Dilahirkan di Pulau Penyengat, Riau; dikenali sebagai Raja Ali Haji • Berpendidikan ilmu bahasa Arab semasa di Mekah • Berpengetahuan tentang ilmu fekah dan ilmu falak.
Perkhidmatan	<ul style="list-style-type: none"> • Mengajarkan ilmu tatabahasa gaya Arab • Ulama – mengajarkan ilmu syaraf, usuluddin, fekah dan tasauf • Penasihat kerajaan dalam bidang keagamaan
Sumbangan	<ul style="list-style-type: none"> • Penulisan tentang bahasa: <ol style="list-style-type: none"> <i>Bustanul Katibin (Kitab Perkebunan Jurutulis bagi Kanak-kanak yang Hendak Menuntut Belajar akan Dia)</i> (1857) <i>Kitab Pengetahuan Bahasa</i> (1858) • Karya-karya lain, antaranya: <ol style="list-style-type: none"> <i>Tuhfat al-Nafis</i> (1865) – sejarah raja-raja Melayu dan Bugis <i>Salasilah Melayu dan Bugis dan Sekelian Rajanya</i> (1860) <i>Gurindam Dua Belas</i> (1847) <i>Syair Suluh Pegawai</i> <i>Syair Sultan Abdul Muluk</i>
Gelaran/ Penghargaan	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Kitab Pengetahuan Bahasa</i> diisytiharkan sebagai pegangan bahasa nasional Indonesia oleh Kongres Pemuda Indonesia (1928). • Gelaran Pahlawan Nasional daripada Presiden Susilo Bambang Yudhoyono (2004)



(b) Abdullah bin Abdul Kadir Munsyi (1796 – 1854)

Perkara	Biodata
Latar belakang	<ul style="list-style-type: none"> • Dilahirkan di Kampung Pali, Melaka; dikenali sebagai Abdullah Munsyi • Menguasai bahasa Melayu, Inggeris, Tamil dan Arab dengan baik
Perkhidmatan	<ul style="list-style-type: none"> • Kerani, pengumpul naskhah Melayu lama dan jurutulis kepada Stamford Raffles • Guru bahasa Melayu kepada sepoi India dan paderi di Melaka, sehingga digelar <i>munsyi</i> (guru bahasa)
Sumbangan	<ul style="list-style-type: none"> • Penulisan dengan bahasa yang terkeluar daripada bentuk bahasa Melayu klasik: <ol style="list-style-type: none"> <i>Syair Singapura Terbakar</i> (1830) <i>Kisah Pelayaran Abdullah</i> (1838) – kisah pelayarannya dari Singapura ke Kelantan <i>Dawail-Kulub</i> (1938) <i>Hikayat Abdullah</i> (1840) <i>Syair Kampung Gelam Terbakar</i> (1847) <i>Kisah Pelayaran Abdullah ke Juddah</i> (1854) – kisah pelayarannya ke Mekah; tidak siap kerana meninggal dunia
Gelaran/ Penghargaan	<ul style="list-style-type: none"> • Bapa Kesusasteraan Melayu Moden – perintis penggunaan bahasa dan pengungkapan kisah yang baharu

(c) Mejar Dato' Mohd Said bin Haji Sulaiman (1876 – 1955)

<i>Perkara</i>	<i>Biodata</i>
Latar belakang	<ul style="list-style-type: none"> • Dilahirkan di Teluk Belanga, Singapura
Perkhidmatan	<ul style="list-style-type: none"> • Kerani di British and Foreign Bible Society (1894) • Bertugas di Pejabat Pos Besar (1902)
Sumbangan	<ul style="list-style-type: none"> • Menunjangi Pakatan Bahasa Melayu Persuratan Buku Diraja Johor • Menerbitkan majalah <i>Peredar</i> • Buku tentang bahasa Melayu: <ol style="list-style-type: none"> (i) <i>Buku Katan PBMPB Diraja Johor</i> (1936) (ii) <i>Jalan Bahasa Melayu</i> (1937) (iii) <i>Penokok dan Penambah</i> (1939) (iv) <i>Buku Ketetapan Hejaan Melayu</i> (1941) (v) <i>Manual of the Malay Language</i> (1947) (vi) <i>Gugus Katan Sanskrit-Melayu</i> (vii) <i>Gugus Katan Inggeris-Melayu</i> • Karya-karya lain, antaranya: <ol style="list-style-type: none"> (i) <i>Hikayat Queen Victoria</i> (1904) (ii) <i>Hikayat Johor dan Tawarikh Almarhum Sultan Ibrahim</i> (1951) (iii) <i>Pohon Agama Islam</i> (1946) (iv) <i>Pemaknaan Melayu al-Quran al-Karim</i> (1948) (v) <i>Riwayat Hidup Mejar Dato' Mohd Said bin Haji Sulaiman</i>
Gelaran/ Penghargaan	<ul style="list-style-type: none"> • Bintang kebesaran Seri Mahkota Johor dan Seri Paduka Mahkota Johor • Anugerah Kerabat Diraja daripada DYMM Sultan Ibrahim



(d) Zainal Abidin bin Ahmad (16 September 1895 – 23 Oktober 1973)

<i>Perkara</i>	<i>Biodata</i>
Latar belakang	<ul style="list-style-type: none"> • Dilahirkan di Seremban; lebih dikenali sebagai Za'ba • Memiliki Ijazah Sarjana Muda Sastera (Bahasa Melayu dan Arab) dari Universiti London (1953).
Perkhidmatan	<ul style="list-style-type: none"> • Guru bahasa Melayu di English College, Johor Bahru. • Penterjemah di Maktab Melayu Kuala Kangsar, Pejabat Pelajaran Negeri-Negeri, dan Maktab Perguruan Sultan Idris di Tanjung Malim • Penterjemah Kanan di Pejabat Pelajaran, Kuala Lumpur. • Pensyarah bahasa Melayu di School of Oriental and African Studies di London • Pensyarah Kanan di Universiti Malaya, merangkap Ketua Jabatan Pengajian Melayu di Singapura. • Pensyarah di Maktab Perguruan Sultan Idris (SITC)
Sumbangan	<ul style="list-style-type: none"> • Menubuhkan Pejabat Karang Mengarang di SITC bersama dengan pengetuanya, O.T. Dussek (1924) • Penasihat Persaudaraan Sahabat Pena (Paspam) sehingga 1942. • Buku peraturan bahasa Melayu yang menjadi rujukan utama: <ol style="list-style-type: none"> (i) <i>Ilmu Mengarang Melayu</i> (1934) <ul style="list-style-type: none"> • Hal karang-mengarang, gaya bahasa Melayu dan bukan Melayu, pemindahan bahasa, ragam bahasa, peribahasa, puisi dan prosa, kata-kata daripada bahasa asing, dan loghat daerah • Diulang cetak (lima kali) dalam tulisan Jawi; pertama kali dicetak dalam tulisan Rumi pada tahun 1962

	<p>(ii) <i>Pelita Bahasa Melayu Penggal I, Penggal II dan Penggal III</i> (1940)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Penggal I: Nahu Melayu dalam tulisan Rumi • Penggal II: Karang-mengarang bagi peringkat rendah • Penggal III: Karang-mengarang bagi peringkat tinggi <p>(iii) <i>Petua-petua Ejaan Rumi di Malaya</i></p> <p>(iv) <i>Rahsia Ejaan Jawi</i> (1930)</p> <p>(v) <i>Daftar Ejaan Melayu</i> (1941)</p> <p>(vi) Daftar perkataan Melayu dengan ejaan Jawi dan Rumi, dan peraturan ejaannya</p>
Gelaran/ Penghargaan	<ul style="list-style-type: none"> • Pendeta, bersempena dengan Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu di Johor Bahru (1956) • Doktor Persuratan daripada Universiti Malaya (1959) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (Jun 1973) • Bintang Panglima Mangku Negara (bergelar Tan Sri) daripada Yang di-Pertuan Agong (1962)



(e) **Dr. Asmah binti Haji Omar (5 Mac 1940)**

<i>Perkara</i>	<i>Biodata</i>
Latar belakang	<ul style="list-style-type: none"> • Dilahirkan di Jitra, Kedah • Sarjana Muda Bahasa dan Kesusasteraan Indonesia (1961) • Kelulusan Sarjana dalam bidang yang sama (1963) • Ijazah Doktor Falsafah dari University of London dalam bidang Linguistik Am (1969)
Perkhidmatan	<ul style="list-style-type: none"> • Pensyarah di Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya (1966) • Profesor Linguistik Melayu di Universiti Malaya (1976) • Timbalan Naib Canselor, Universiti Malaya (1983-1986) • Dekan Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya (1972-2000) • Profesor dan Penyandang Kerusi Peradaban Melayu Za'ba di Universiti Pendidikan Sultan Idris (2001-2005) • Profesor Ajung di Universiti Utara Malaysia
Sumbangan	<p>(vii) Penulisan buku tatabahasa, antaranya:</p> <p>(i) <i>Morfologi-Sintaksis Bahasa Melayu (Malaya) dan Bahasa Indonesia</i> (1968)</p> <p>(ii) <i>An Introduction to Malay Grammar</i> (1968)</p> <p>(iii) <i>Nahu Melayu Mutakhir</i> (1980)</p> <p>(iv) <i>Nahu Kemas Kini: Pedoman Bahasa yang Baik dan Betul</i> (2008)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Penulisan buku tentang aspek lain bahasa Melayu, antaranya: <ul style="list-style-type: none"> (i) <i>Kepelbagaian Fonologi Dialek-Dialek Melayu</i> (1977) (ii) <i>Perancangan Bahasa Dengan Rujukan Khusus Kepada Perancangan Bahasa Malaysia</i> (1978) (iii) <i>Language and Society in Malaysia</i> (1982) (iv) <i>Susur Galur Bahasa Melayu</i> (1985) (v) <i>Bahasa dan Alam Pemikiran Melayu</i> (1986) (vi) <i>Bahasa Melayu di Samudera: Benih yang Baik Menjadi Pulau</i> (2006)
Gelaran/ Penghargaan	<ul style="list-style-type: none"> • Ahli Mangku Negara (1973), Setia DiRaja Kedah (1979), Dato' Setia DiRaja Kedah – bergelar Dato' (1983) • Anugerah Bahasa Raja Nazrin Shah (1996) • Profesor Emeritus daripada Universiti Malaya (2000) • Doktor Persuratan Kehormat daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (2006)



(f) Dr. Nik Safiah binti Karim (17 Disember 1939)

<i>Perkara</i>	<i>Biodata</i>
Latar belakang	<ul style="list-style-type: none"> • Dilahirkan di Kota Bharu, Kelantan • Ijazah Sarjana Muda Sastera dari Universiti Malaya (1963) • Ijazah Sarjana Sastera dari Universiti Malaya (1965) • Ijazah Kedoktoran dalam bidang linguistik dari Universiti Ohio, Amerika Syarikat (1975)
Perkhidmatan	<ul style="list-style-type: none"> • Tutor di Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya (1963) • Dekan Fakulti Sosial dan Sains Sosial, Universiti Malaya (1982-1983; 1992-1994) • Ketua Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya (1984-1986) • Pengarah (pertama) Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya (1990-1992) • Timbalan Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (pinjaman) (1989-1990)
Sumbangan	<ul style="list-style-type: none"> • Presiden Persatuan Linguistik Malaysia (1982-2000) • Ahli Jawatankuasa Tetap Bahasa Melayu • Penulisan buku tatabahasa, antaranya: <ul style="list-style-type: none"> (i) <i>Tatabahasa Dewan Jilid I</i> – bersama dengan tiga orang penulis lain (1986) (ii) <i>Tatabahasa Dewan Jilid II</i> – bersama dengan tiga orang penulis lain (1989) (iii) <i>Malay Grammar for Academics dan Professionals</i> (1995) (iv) <i>Yang Indah Itu Bahasa</i> (1999) (v) <i>Liku-liku Bahasa</i> (2007)
Gelaran/ Penghargaan	<ul style="list-style-type: none"> • Pingat Kesatria Mangku Negara (1989), Johan Mangku Negara (1995), Johan Panglima Negara – bergelar Datuk (1997) • Tokoh Ilmuwan Bahasa dan Pingat Emas Tun Fatimah (2001) • Profesor Emeritus daripada Universiti Malaya (2002) • Ijazah Kehormat Doktor Persuratan daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (2003) • Tokoh Pejuang Bahasa daripada Persatuan Linguistik Malaysia (2004)



(g) Dr. Hassan bin Ahmad (8 Disember 1936 – 31 Ogos 2011)

<i>Perkara</i>	<i>Biodata</i>
Latar belakang	<ul style="list-style-type: none"> • Dilahirkan di Muar, Johor • Ijazah Sarjana Muda Sastera dari Universiti Malaya • Ijazah Kedoktoran Sains Sosial dari Universiti Leiden, Belanda
Perkhidmatan	<ul style="list-style-type: none"> • Penolong Pegawai Daerah Pontian (1962) • Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (1976-1988) • Wakil Tetap Malaysia ke UNESCO (1988-1994) • Pensyarah Jemputan di Universiti Malaya • Profesor Adjung di Universiti Kebangsaan Malaysia
Sumbangan	<ul style="list-style-type: none"> • Ketua Persatuan Penulis Nasional (PENA) (1966-1967) • Pengerusi Hadiah Sastera Malaysia • Ahli Jawatankuasa Tetap Bahasa Melayu • Membentangkan kertas kerja di dalam dan di luar negara, antaranya: <ul style="list-style-type: none"> (i) “Masalah Bahasa atau Masalah Pengguna Bahasa: Membetulkan Sikap dan Persepsi Manusia terhadap Bahasa Melayu” (2006)

	<ul style="list-style-type: none"> (ii) “Bahasa Melayu sebagai Alat Pembinaan Jati Diri Negara-bangsa Malaysia” (2009) • Penulisannya banyak berbentuk artikel yang disiarkan dalam majalah, antaranya: <ul style="list-style-type: none"> (i) “Pemeriksaan dan Pemertabatan Bahasa Melayu” (2011) (ii) “Memahami Hakikat Bahasa” (2011) • Karyanya yang berbentuk buku ialah <i>Syair</i> (1964), dan <i>Bahasa, Sastera Buku: Cetusan Fikiran Hassan Ahmad</i> (1988)
Gelaran/ Penghargaan	<ul style="list-style-type: none"> • Kesatria Mangku Negara (1973), Darjah Datuk Setia Ismail Johor – bergelar Datuk (1978)

6. SUMBANGAN PERTUBUHAN DAN INSTITUSI KEPADA PERKEMBANGAN BAHASA MELAYU MODEN

- Beberapa Pertubuhan dan institusi bergiat cergas mengembangkan bahasa Melayu pada zaman pramerdeka dan pascamerdeka.

6.1 Pertubuhan dan Institusi Sebelum Merdeka

(a) Pakatan Belajar-Mengajar Pengetahuan Bahasa (1888 – 1941)

<i>Perkara</i>	<i>Profil</i>
Penubuhan dan pemimpin	<ul style="list-style-type: none"> • Ditubuhkan di Johor Bahru oleh Dato’ Seri Amar Diraja Abdul Rahman Andak dan Dato’ Muhammad Ibrahim Munsyi. • Pada tahun 1934, pakatan ini dinamai Pakatan Bahasa Melayu dan Persuratan Buku-Buku Diraja (PBMPBD), dengan sokongan DYMM Sultan Ibrahim.
Matlamat penubuhan	<ul style="list-style-type: none"> • Mengkaji dan menerbitkan buku bahasa, sejarah dan kebudayaan • Menggalakkan orang Melayu menerbitkan karya untuk memperkaya perbendaharaan sastera Melayu.
Kegiatan	<ul style="list-style-type: none"> • Menerbitkan majalah <i>Peredar</i> • Menerbitkan buku, antaranya <i>Peribahasa</i> (1930), <i>Jalan Bahasa Melayu</i> (1937), <i>Buku Katan</i> (1936-1937), dan <i>Perihal Tanah Jawa</i> (1939) • Mencipta istilah terjemahan, antaranya <i>setiausaha</i>, pejabat, <i>kerja raya</i>, <i>warta</i>, <i>jurucakap</i>, <i>timbangan</i>, dan <i>jadual waktu</i>

(b) Pejabat Karang-Mengarang (1924 – 1957)

<i>Perkara</i>	<i>Profil</i>
Penubuhan dan pemimpin	<ul style="list-style-type: none"> • Ditubuhkan di Sultan Idris Training College (SITC) oleh Pengetua, O.T. Dussek dan Za’ba. • O.T. Dussek dan R.O. Winstedt bertindak sebagai Penasihat. • Za’ba menjadi Pengarang dan Penterjemah Kanan. • Dijadikan satu jabatan di SITC untuk memajukan bahasa Melayu • Aktiviti dibiayai oleh Negeri-Negeri Selat dan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. • Selepas dibubarkan, peranannya diambil alih oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).
Matlamat penubuhan	<ul style="list-style-type: none"> • Menerbitkan buku untuk sekolah Melayu • Menerbitkan bahan bacaan umum untuk masyarakat Melayu • Menggalakkan masyarakat membaca buku

Kegiatan	<ul style="list-style-type: none"> • Sehingga 1941, 85 judul buku teks sekolah diterbitkan • Sehingga 1957, 64 judul buku terjemahan di bawah siri perpustakaan sekolah dan bacaan umum diterbitkan, antaranya <i>Cerita-cerita Sherlock Holmes</i>, <i>Sang Lomeri</i>, <i>Aladin dengan Lampu Ajaib</i>, dan <i>Cerita-cerita dari Istana Alhamra</i>. • Penterjemahan dilakukan oleh Abdul Kudus Muhammad, Abdul Rahman Yusof, Yazid Ahmad dan Ahmad Murad Nasaruddin. • Menerbitkan buku bahasa Melayu, iaitu <i>Ilmu Mengarang Melayu</i> (1926), <i>Pelita Bahasa Melayu I, II, III</i> (1940), dan <i>Daftar Ejaan Melayu</i> (1941). • Mengadakan perpustakaan bergerak di kampung-kampung
----------	---

(c) Sultan Idris Training College (SITC) (29 November 1922)

<i>Perkara</i>	<i>Profil</i>
Penubuhan dan pemimpin	<ul style="list-style-type: none"> • Diketuai oleh O.T. Dussek sebagai pengetua yang pertama. • Mulai 1957, SITC dikenali sebagai Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI), diikuti dengan Institut Perguruan Sultan Idris (1987) dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (1 Mei 1997)
Matlamat penubuhan	<ul style="list-style-type: none"> • Melatih guru sekolah Melayu bagi Negeri-Negeri Selat, Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, dan Borneo. • Melatih guru-guru sekolah Melayu
Kegiatan	<ul style="list-style-type: none"> • Penubuhan Pejabat Karang Mengarang menjadikan SITC sebagai pusat perkembangan bahasa dan kesusasteraan Melayu melalui penerbitan buku sekolah, buku bacaan umum, buku terjemahan, dan buku bahasa Melayu (Sila rujuk nota tentang Za'ba dan Pejabat Karang Mengarang). • Melahirkan banyak penulis, seperti Za'ba, Ahmad Bakhtiar, Awang Had Salleh, Buyong Adil, Harun Mohd Amin (Harun Aminurrashid), Muhammad Yassin Makmur (Pungguk), Shahrom Hussain, dan lain-lain lagi.

(d) Angkatan Sasterawan 50 (6 Ogos 1950)

<i>Perkara</i>	<i>Profil</i>
Penubuhan dan pemimpin	<ul style="list-style-type: none"> • Diasaskan oleh, antaranya Muhammad Arif Ahmad (Mas), Kamaludin Muhammad (Keris Mas), Hamzah Hussein, Jimmy Asmara, A. Samad Ismail, Rosmera, dan Asraf. • Didaftarkan pada tahun 1951; lebih dikenali sebagai ASAS 50
Matlamat penubuhan	<ul style="list-style-type: none"> • Memperjuangkan dan mempertinggi bahasa dan kesusasteraan Melayu
Kegiatan	<ul style="list-style-type: none"> • Mengadakan syarahan dan perdebatan tentang sastera dan bahasa • Karangan ahli diberikan bayaran dan dilindungi dari segi undang-undang • Berjuang dalam bidang kesusasteraan melalui konsep "Seni untuk Masyarakat" • Menganjurkan tiga Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu (1952, 1953, dan 1956)

(e) Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu

- Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu diasaskan oleh ASAS 50 dengan kerjasama daripada 20 buah persatuan bahasa, sastera dan budaya, antaranya Lembaga Bahasa

Melayu, Kesatuan Guru-Guru Melayu Singapura, dan Persatuan Persuratan Pemuda Pemudi Singapura.

- Pada zaman pramerdeka, tiga Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu diadakan yang menghasilkan banyak kejayaan untuk perkembangan bahasa Melayu.

<i>Kongres</i>	<i>Ketetapan</i>
Kongres I (Singapura: 12 – 13 April 1952)	<ul style="list-style-type: none"> • Desakan agar bahasa Melayu menjadi bahasa kebangsaan • Mencadangkan penubuhan jawatankuasa untuk meneliti penggunaan tulisan Jawi dan Rumi dalam persuratan Melayu
Kongres II (Seremban: 1 – 2 Januari 1954)	<ul style="list-style-type: none"> • Usul menjadikan huruf Rumi sebagai tulisan rasmi bahasa Melayu diterima • Tulisan Jawi tidak akan dihapuskan tetapi perlu dibaiki kelemahan yang ada.
Kongres III (Johor Bahru dan Singapura: 16 – 21 September 1956)	<ul style="list-style-type: none"> • Penubuhan badan bahasa (dinamai Dewan Bahasa dan Pustaka) untuk memartabatkan bahasa Melayu.

- Selepas kemerdekaan, lapan kongres telah dilangsungkan., iaitu pada tahun 1984 (di DBP, Kuala Lumpur), 1998 (di DBP, Kuala Lumpur), 2002 (di Tanjung Malim, Perak), 2006 (di DBP, Kuala Lumpur), dan 2011 (di DBP, Kuala Lumpur).

(f) *Jawi Peranakan (1876)*

- *Jawi Peranakan* ialah akhbar berbahasa Melayu yang pertama dan menggunakan tulisan Jawi.
- Penerbitan diusahakan oleh Munsyi Mohd Said Dada Mohayiddin, yang merupakan keturunan Jawi Peranakan.
- Memaparkan peristiwa yang berlaku di Negeri-Negeri Selat, Johor, Selangor, dan Kedah, dan juga berita dari Brunei, Jawa, Sumatera dan pulau-pulau yang berhampiran.
- Penerbitan akhbar ini merintis kepada penerbitan akhbar lain, seperti *Saudara*, *Majlis*, *Warta Malaya*, dan *Utusan Melayu*.

6.2 Pertubuhan dan Institusi Selepas Merdeka

- Institusi selepas merdeka yang terlibat kebanyakannya ialah pusat pengajian tinggi.
- Yang mendukung pergerakannya terdiri daripada pensyarah dan penutut pengajian berkenaan.



(a) *Universiti Kebangsaan Malaysia (18 Mei 1970)*

<i>Perkara</i>	<i>Profil</i>
Penubuhan dan pemimpin	<ul style="list-style-type: none"> • Penubuhan bermula dengan terbentuknya Jawatankuasa Penaja Penubuhan UKM yang dipengerusikan oleh Tan Sri Syed Nasir Ismail (1968). • Tokoh lain yang memainkan peranan antaranya Zainal Abidin Wahid, Syed Husin Ali, Shamsul Bahrin, Abu Bakar Hamid, dan Mohd Zain Majid. • Kongres Universiti Kebangsaan Malaysia diadakan di Universiti Malaya (1969).

	<ul style="list-style-type: none"> • Kampus awal terletak di Lembah Pantai, Kuala Lumpur, sebelum berpindah ke Bandar Baru Bangi, Selangor
Matlamat penubuhan	<ul style="list-style-type: none"> • Mendaulatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa ilmu • Menampung jumlah pelajar dari sekolah menengah aliran Melayu untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi
Peranan	<ul style="list-style-type: none"> • Menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar



(b) Universiti Malaya (1 Januari 1962)

<i>Perkara</i>	<i>Profil</i>
Penubuhan dan pemimpin	<ul style="list-style-type: none"> • Universiti Malaya yang asal ditubuhkan di Singapura (8 Oktober 1949), gabungan daripada Kolej Perubatan King Edward VI (1905) dan Kolej Raffles (1929) • Universiti Malaya di Singapura berpecah (1959); yang berpindah ke Malaysia dikekalkan namanya dengan penubuhan rasmi ditetapkan pada tahun 1962. • Tunku Abdul Rahman Putra merupakan Canselor pertama. • Kampusnya di Lembah Pantai.
Matlamat penubuhan	<ul style="list-style-type: none"> • Memberikan pendidikan tinggi kepada rakyat Malaysia
Pengisian	<ul style="list-style-type: none"> • Melaksanakan dasar bahasa kebangsaan dalam pendidikan • Mulai 1983, semua fakulti menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar • Fakulti Sastera dan Sains Sosial menawarkan kursus pengajian Melayu seperti Kesusasteraan Melayu dan Kebudayaan Melayu. • Kursus bahasa Melayu sebagai bahasa kedua kepada pelajar bukan Melayu ditawarkan oleh Jabatan Pengajian Melayu mulai 1964. • Akademi Pengajian Melayu ditubuhkan pada tahun 1990.

(c) Persekutuan Bahasa Melayu Universiti Malaya (PBMUM) (29 Januari 1955)

<i>Perkara</i>	<i>Profil</i>
Penubuhan dan pemimpin	<ul style="list-style-type: none"> • Asalnya ditubuhkan di Universiti Malaya, Singapura. • Pembentukannya digagaskan oleh Prof. Ungku Aziz dan Za'ba. • Antara tokoh yang pernah menjadi pemimpin ialah Awang Had Salleh, Nordin Selat, dan Nordin Abdul Razak. • Namanya berubah menjadi Persatuan Bahasa Melayu Universiti Malaya (PBMUM) mulai 1969.
Matlamat penubuhan	<ul style="list-style-type: none"> • Mengembangkan bahasa Melayu dan menggalakkan penggunaannya • Memberikan sumbangan kepada perkembangan kesusasteraan dan kekayaan kepustakaan Melayu • Mengembangkan kesenian dan kebudayaan Melayu • Menggalakkan dan menjalankan pengajian dalam lapangan kesenian dan kebudayaan • Mengambil tahu tentang pelajaran bahasa Melayu dan memberikan sumbangan yang sewajarnya
Pengisian	<ul style="list-style-type: none"> • Seminar Bahasa Kebangsaan (1966) – mendesak kerajaan agar melaksanakan Dasar Pelajaran Kebangsaan sepenuhnya di semua peringkat pendidikan

	<ul style="list-style-type: none"> • Simposium Dasar Pelajaran Kebangsaan (1968) – mendesak kerajaan menubuhkan Universiti Kebangsaan selewat-lewatnya pada tahun 1970. • Meminda perlembagaan persatuan dengan menambahkan isu pengajaran dalam bahasa Melayu bagi semua kursus di universiti tempatan (1969) • Menerbitkan <i>Suara PBMUM</i>
--	--



(d) Institut Bahasa (12 Januari 1956)

<i>Perkara</i>	<i>Profil</i>
Penubuhan dan pemimpin	<ul style="list-style-type: none"> • Diasaskan di Bukit Senyum, Johor Bahru dengan menggunakan nama Maktab Perguruan Bahasa (MPB), hasil daripada cadangan Penyata Razak 1956. • Dirasmikan oleh Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Abdul Rahman ibni al-Marhum Tuanku Muhammad (14 Jun 1956). • Pada tahun 1957, MPB berpindah ke kampus tetap di Lembah Pantai, Kuala Lumpur. • Pertukaran nama berdasarkan kenaikan taraf: <ul style="list-style-type: none"> - Institut Bahasa (IB) – kursus bertaraf diploma (1986) - Institut Bahasa Melayu Malaysia (1998) • Institut Perguruan Bahasa Melayu Malaysia (2006) • Institut Pendidikan Guru Bahasa Melayu Malaysia (2007)
Matlamat penubuhan	<ul style="list-style-type: none"> • Melatih guru-guru yang akan mengajarkan Bahasa Melayu di sekolah-sekolah • Membuat penyelidikan tentang bahasa Melayu dan bahasa lain dan pengajarannya
Pengisian	<ul style="list-style-type: none"> • Kursus Perguruan Asas Sekolah Menengah (dua tahun) – Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dan gabungan dengan Sejarah, Ilmu Alam dan Muzik (1958-1969), dan Bahasa Cina (1959-1961) • Kursus Asas (tiga tahun) – Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Bahasa Cina peringkat sekolah menengah dan sekolah rendah (1981-1987) • Kursus Bahasa – Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris (mulai 1986) • Kursus Perguruan Khas dalam Perkhidmatan • Kursus Intensif Lulusan Ijazah (mulai 1985)

(e) Persatuan Pelajar-Pelajar Maktab Perguruan Bahasa (PPMPB) (1970-an)

<i>Perkara</i>	<i>Profil</i>
Penubuhan dan pemimpin	<ul style="list-style-type: none"> • Ditubuhkan oleh pelajar Maktab Perguruan Bahasa (MPB) sendiri.
Matlamat penubuhan	<ul style="list-style-type: none"> • Menjadikan MPB sebagai maktab latihan bahasa Melayu
Kegiatan	<ul style="list-style-type: none"> • Tunjuk perasaan untuk mendesak kerajaan mengembalikan matlamat dan fungsi MPB sebagai badan yang melatih guru Bahasa Melayu (pertengahan 1970-an)

(f) Barisan Bertindak Bahasa Kebangsaan (19 Julai 1964)

<i>Perkara</i>	<i>Profil</i>
Penubuhan dan pemimpin	<ul style="list-style-type: none"> • Ditubuhkan di Dewan Bahasa dan Pustaka • Encik Yahya Ismail menjadi Pengerusi dan Encik Kamarudin Mohd Said sebagai Setiausaha
Matlamat penubuhan	<ul style="list-style-type: none"> • Memperjuangkan bahasa kebangsaan dengan lebih berkesan dan bersungguh-sungguh • Melaksanakan kehendak Perlembagaan, iaitu bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi yang tunggal menjelang 1967 • Menimbulkan dan meneguhkan semangat perjuangan terhadap bahasa kebangsaan • Menjaga kesucian dan kedaulatan bahasa kebangsaan • Tunjuk perasaan untuk membantah sikap antinasional dalam kalangan badan perniagaan, pejabat dan perbadanan lain • Menerbitkan risalah penerangan dan ceramah, rapat umum dan tindakan lain yang sesuai dengan keadaan • Membela dan memberi sokongan kepada pejuang bahasa kebangsaan (Arkib Negara Malaysia: http://hids.arkib.gov.my/readarticle.php?article_id=4009)
Pengisian	<ul style="list-style-type: none"> • Perhimpunan membantah Rang Undang-undang Bahasa Kebangsaan 1967 di Dewan Bahasa dan Pustaka (1967) • Mengusung “Keranda 152” serta merayu Perdana Menteri dan UMNO tegas memperjuangkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi yang tunggal

7. PERANCANGAN BAHASA MELAYU MODEN

- Mengikut Nik Safiah Karim *et al* (2008:22), perancangan bahasa ialah usaha yang dijalankan untuk memupuk bahasa ke arah taraf yang lebih maju yang dijalankan oleh badan yang ditubuhkan khas.

7.1 Peringkat Perancangan

- Perancangan terdiri daripada empat peringkat:

<i>Peringkat</i>	<i>Kegiatan</i>
1. Perancangan	<ul style="list-style-type: none"> • Membuat keputusan dasar • Menentukan (memilih) bahasa untuk dirancang • Mengumpul data • Menyusun strategi
2. Pelaksanaan	<ul style="list-style-type: none"> • Pengekodaan • Pemupukan
3. Pemasarakatan	<ul style="list-style-type: none"> • Menyebarkan korpus bahasa yang dirancang kepada masyarakat (pengguna bahasa)
4. Penilaian	<ul style="list-style-type: none"> • Meneliti pendapat masyarakat • Menilai hasil atau kesan pendapat masyarakat • Membaiki kelemahan • Melakukan perancangan selanjutnya

7.2 Jenis Perancangan

- Jenis perancangan bahasa Melayu terdiri daripada:

(1) Perancangan Taraf

- Perancangan taraf ialah proses meluaskan dan meningkatkan status penggunaan dan peranan bahasa Melayu dalam kalangan masyarakat.
- Perancangan taraf bahasa Melayu dilakukan melalui penggubalan perlembagaan dan akta.
- Taraf bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi terletak pada peruntukan Perkara 152 dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia.
- Taraf bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dalam urusan kerajaan terletak pada peruntukan Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67.
- Taraf bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar pendidikan negara dilaksanakan melalui Laporan Razak (1956), Laporan Rahman Talib (1960), Ordinan Pelajaran 1961, dan Akta Pendidikan 1996.
- Peruntukan-peruntukan tersebut menjadikan bahasa Melayu menduduki takhta yang tinggi.

(2) Perancangan Korpus (Bahan)

- Perancangan korpus terdiri daripada *pengekodan* (kodifikasi) dan *pemupukan*.

(a) Pengekodan

- Pengekodan ialah *penyeragaman*, iaitu proses menghasilkan satu variasi bahasa standard yang sempurna dan seragam (Nik Safiah Karim et al, 2008:23).
- Dalam bahasa Melayu, pengekodan perlu dibuat kerana kewujudan pelbagai dialek daerah yang membezakan sebutan, perkataan, serta susunan frasa dan ayat.
- Dengan wujudnya satu variasi bahasa, akan wujud keupayaan memperkatakan semua gejala dalam masyarakat, dan setanding tarafnya dengan bahasa-bahasa moden lain.
- Penyeragaman dilakukan dari aspek ejaan, tatabahasa, sebutan, dan perkamusan.

(i) Pengekodan Ejaan (Rumi)

- Tulisan Rumi berasal daripada tulisan Latin atau Romawi yang dibawa ke kepulauan Melayu oleh orang Barat.
- Huruf Rumi dalam bahasa Melayu pertama kali digunakan dalam *Daftar Kata Itali-Melayu* (1521 Masihi) yang disusun oleh Antonio Figafetta berdasarkan bahasa yang dituturkan di pelabuhan Pulau Tidore.
- Beberapa sistem ejaan Rumi telah digunakan di Malaysia semenjak pengenalannya.

<i>Sistem ejaan</i>	<i>Penggunaan</i>
Ejaan Wilkinson (1901 – 1904))	<ul style="list-style-type: none">• Hasil persidangan Jawatankuasa Ejaan yang diketuai oleh R.J. Wilkinson.
Ejaan Za'ba (1924)	<ul style="list-style-type: none">• Penyesuaian dan penambahbaikan Ejaan Wilkinson.• Dipanggil juga “Ejaan Sekolah” kerana digunakan di sekolah dan sebagai ejaan rasmi kerajaan.• Ejaan ini terhenti semasa pendudukan Jepun, tetapi digunakan semula selepas Jepun menyerah kalah.

Ejaan Fajar Asia (1943)	<ul style="list-style-type: none"> • Digunakan untuk menyebarkan propaganda Jepun semasa pendudukannya di Tanah Melayu
Ejaan Kongres (1956)	<ul style="list-style-type: none"> • Penggunaannya dipersetujui dalam Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu III (1956) • Sistem ejaan ini tidak jadi digunakan kerana terdapat penerapan lambang fonetik.
Ejaan Malindo (1959)	<ul style="list-style-type: none"> • Ejaan bersama antara Tanah Melayu dengan Indonesia • Terhasil daripada rundingan antara Jawatankuasa Ejaan Rumi Persekutuan Tanah Melayu dengan Panitia Pelaksanaan Kerjasama Bahas Melayu-Bahasa Indonesia • Ejaan ini tidak dapat dilaksanakan ekoran daripada teretusnya konfrontasi Indonesia terhadap Malaysia. • Selepas konfrontasi (1965), kedua-dua pihak membatalkan ejaan ini.
Ejaan Baru Bahasa Malaysia (16 Ogos 1972)	<ul style="list-style-type: none"> • Ejaan ini diwujudkan melalui Majlis Bahasa Indonesia-Malaysia (MBIM). • Di Indonesia, ejaan ini dikenali sebagai “Ejaan Bahasa Indonesia yang Disempurnakan”.

- Bahasa Melayu mencapai kejayaan yang agak baik dalam usaha penyeragaman sistem ejaan Rumi setelah wujudnya sistem ejaan Rumi baharu (1972).
- Ejaan Rumi baharu ini menggunakan pedoman rasmi yang dikeluarkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, iaitu *Pedoman Umum Ejaan Bahasa Malaysia* (1987) atau *Pedoman Ejaan Rumi Bahasa Melayu* (2000) dan *Daftar Ejaan Rumi Bahasa Malaysia* (1993).

(ii) Pembakuan Tatabahasa

- Pengkodan tatabahasa ialah pengembangan cara-cara pembentukan kata, frasa dan ayat supaya dapat memperkatakan buah fikiran dan perkara baharu (Nik Safiah Karim et al, 2008:25).
- Beberapa buku tatabahasa yang berwibawa diterbitkan, antaranya *Nahu Melayu Mutakhir* (Dewan Bahasa dan Pustaka:1982) oleh Asmah Haji Omar, diikuti oleh *Tatabahasa Dewan Jilid 1* (Dewan Bahasa dan Pustaka:1986) dan *Tatabahasa Dewan Jilid 2* (Dewan Bahasa dan Pustaka:1989) tulisan Nik Safiah Karim dan lain-lain.
- Kedua-dua jilid *Tatabahasa Dewan* itu kemudiannya digabungkan dalam *Tatabahasa Dewan Edisi Baharu* pada tahun 1993, dijadikan buku pegangan utama tatabahasa, dan diperakukan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum dan Kementerian Pendidikan Malaysia sebagai panduan utama di peringkat sekolah.
- Penerbitan *Tatabahasa Dewan* telah menyeragamkan sistem tatabahasa bahasa Melayu dan membentuk bahasa yang baku, serta sesuai digunakan oleh semua peringkat pendidikan dan orang awam.

(iii) Penyusunan Kamus

- Penyusunan kamus ialah penyenaian kata mengikut abjad dan pemberian makna supaya perkataan diketahui dan difahami dengan jelas.
- Terdapat beberapa jenis kamus, iaitu:

- Kamus ekabahasa = kamus yang kata masukan dan maknanya dalam satu bahasa sahaja, seperti *Kamus Dewan*, *Kamus Pelajar Bahasa Malaysia*, dan *Kamus Besar Utusan*.
- Kamus dwibahasa = kamus yang kata masukannya terdiri daripada dua bahasa yang berlainan, seperti *Kamus Inggeris-Melayu Dewan*
- Kamus umum pelbagai bahasa = kamus yang kata masukannya diberikan makna dalam lebih daripada satu bahasa
- Kamus istilah = kamus yang memberikan makna istilah bagi bidang sains, teknikal, kemasyarakatan, dan lain-lain., seperti *Kamus Istilah Sains Am*, *Kamus Istilah Fizik*, dan *Kamus Biologi*
- Kamus khusus = kamus tentang sinonim, dialek, etimologi, ungkapan, peribahasa, dan lain-lain,
- Glosari = senarai istilah serta takrifnya dengan jelas, seperti *Glosari Istilah Sains Nuklear*
- Tesaurus = senarai kata yang diberikan kata yang bersinonim dan berkaitan dengannya, antaranya jenis tesaurus umum, tesaurus konsep, dan tesaurus bidang khusus.

(iv) Pembakuan Sebutan

- Kepelbagaian dialek dalam bahasa Melayu menghasilkan perbezaan gaya sebutan, antaranya vokal /a/ pada akhir kata disebut sebagai [ɔ] atau [ə] atau [ɛ] dan vokal /i/ disebut sebagai [e].
- Untuk menyeragamkan sebutan dan difahami secara menyeluruh, diputuskan satu sebutan baku, iaitu sebutan yang betul berdasarkan ejaan bahasa Melayu, seperti /a/ disebut [a], /i/ disebut [i], dan /u/ dibunyikan [u].
- Sebutan baku ini digunakan dalam acara rasmi, seperti ucapan, pengajaran, mesyuarat, bacaan berita, dan sebagainya.
- Sebutan baku ini dikuatkuasakan mulai tahun 1988 tetapi dimansuhkan pada tahun 2000 kerana Kabinet berpendapat bahawa sebutan itu tidak menggambarkan sebutan sebenar rakyat Malaysia.

(b) Pemupukan

- Pemupukan merupakan usaha-usaha untuk mengembangkan bahasa supaya tercapai keadaan saling terjemah dengan bahasa moden lain (Nik Safiah Karim et al, 2008:26).
- Pemupukan melibatkan kegiatan mencipta istilah baharu untuk mengungkapkan pelbagai laras atau disiplin baharu, khususnya dalam bidang teknikal.
- Dalam proses membentuk istilah, buku *Pedoman Pembentukan Istilah* (1975) digunakan sebagai landasan.
- Istilah yang dibentuk perlu diperakukan oleh Jawatankuasa Tetap Bahasa Melayu.
- Bagi penyeragaman di peringkat serantau, istilah yang dibentuk dibincangkan dalam Majlis Bahasa Brunei Darussalam, Indonesia dan Malaysia (Mabbim).
- Pelbagai pedoman telah diterbitkan, antaranya *Pedoman Umum Pembentukan Istilah Bahasa Malaysia*, *Pedoman Umum Ejaan Bahasa Malaysia*, dan *Pedoman Penyusunan Kamus Istilah*.
- Kebanyakan istilah teknikal diterjemah dan disesuaikan daripada bahasa asing.
- Tatacara pembentukan istilah terdiri daripada tujuh langkah, iaitu:
 - Langkah 1: Mencari kata dalam bahasa Melayu yang lazim digunakan,
 - Langkah 2: Mencari kata dalam bahasa Melayu yang sudah tidak lazim digunakan,
 - Langkah 3: Mencari kata dalam bahasa serumpun yang lazim digunakan,

- Langkah 4: Mencari kata dalam bahasa serumpun yang sudah tidak lazim digunakan,
- Langkah 5: Mencari kata dalam bahasa Inggeris,
- Langkah 6: Mencari kata dalam bahasa asing lain yang bersifat antarabangsa,
- Langkah 7: Memilih istilah yang terbaik daripada pilihan 1 hingga 6.
- Istilah-istilah yang dipilih maknanya tidak menyimpang daripada konsep istilah, tidak berkonotasi buruk, indah didengar, tepat, dan singkat.

8. FUNGSI BAHASA MELAYU MODEN

- Dalam konteks negara, bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan, yang tidak sahaja berfungsi sebagai alat berkomunikasi, tetapi juga memainkan peranan lain yang berkaitan dengan rakyat Malaysia.

(a) Bahasa Komunikasi

- Bahasa komunikasi bermaksud bahasa yang digunakan untuk perhubungan, sama ada bagi situasi tidak rasmi atau rasmi, dan secara lisan atau bertulis.
- Bahasa Melayu menjadi perantara yang sesuai untuk mengatasi masalah pelbagai bahasa dan dialek antara etnik dan kaum.
- Bahasa Melayu menjadi medium perhubungan dengan masyarakat di luar negara yang mampu atau memahami bahasa Melayu.

(b) Bahasa Perpaduan

- Bahasa Melayu menjadi bahasa penyatu kaum di Malaysia.
- Menggunakan satu bahasa yang difahami bersama dapat membentuk sikap saling mempercayai antara kaum.
- Penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah dan penggunaan sukatan pelajaran yang sama membolehkan perpaduan antara kaum dipupuk semenjak kanak-kanak lagi.
- Istilah *bahasa Malaysia* digunakan selepas peristiwa 13 Mei 1969 (mulai 1970) untuk melahirkan tanggapan bahawa bahasa itu hak bersama dan perlu dituturkan oleh semua rakyat Malaysia.
- Bahasa kebangsaan menjadi lambang jati diri masyarakat Malaysia.

(c) Bahasa Ilmu

- Bahasa ilmu bermaksud bahasa yang berperanan menyampaikan ilmu pengetahuan, iaitu bahasa yang bersifat ilmiah dan akademik.
- Pengilmuan melalui bahasa Melayu dilaksanakan melalui sistem pendidikan, iaitu bahasa Melayu dijadikan bahasa pengantar di sekolah-sekolah dan pusat pengajian tinggi awam secara berperingkat-peringkat mulai 1957 dan lengkap pada tahun 1983.
- Untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu, banyak istilah dicipta, dipinjam, dan diterjemahkan, khususnya istilah teknikal.
- Kongres Bahasa Melayu Sedunia di Kuala Lumpur (21 hingga 25 Ogos 1995), Malaysia menawarkan diri untuk menjadi pusat dan tumpuan kajian tentang bahasa, sastra dan budaya Melayu.
- Kewujudan Kerusi Pengajian Melayu dan kursus bahasa Melayu di universiti terkemuka di dunia, seperti di Leiden dan di Beijing melonjakkan bahasa Melayu sebagai bahasa intelek di peringkat antarabangsa.

SEJARAH DAN PERKEMBANGAN

BAHASA MELAYU

UNSUR BAHASA ASING DALAM BAHASA MELAYU

1. PENGENALAN

- Unsur bahasa asing banyak terdapat dalam bahasa Melayu moden. Unsur ini dipinjam dan diserapkan ke dalam bahasa Melayu untuk memastikan bahasa Melayu sentiasa berkembang dan dapat mengungkapkan pelbagai laras baharu.
- Peminjaman unsur bahasa asing ini penting tetapi tidak boleh dilakukan dengan sewenang-wenangnya. Peminjaman dibuat bagi unsur yang diperlukan sahaja dari semasa ke semasa.

2. LATAR BELAKANG PEMINJAMAN UNSUR BAHASA ASING

- Bahasa Melayu meminjam unsur daripada bahasa asing yang maju dan bertamadun tinggi dan pernah terlibat dalam sejarah orang Melayu.
- Peminjaman berlaku hasil daripada pertembungan dengan bahasa berkenaan melalui peperangan atau penjajahan politik, perdagangan, pendidikan, penyebaran agama, dan kejiwaan dan persahabatan.
- Terdapat beberapa kelompok sumber pinjaman, iaitu bahasa dari India, Asia Barat, Eropah, China, dan Nusantara.

2.1 Bahasa dari India

- Bahasa tertua yang dipinjam oleh bahasa Melayu ialah bahasa Sanskrit yang merupakan bahasa elit India.
- Sanskrit datang menerusi agama dan budaya Hindu yang mendominasi kebudayaan alam Melayu pada lebih 2,000 tahun dahulu (Za;ba, 1965:266).
- Peminjaman berlaku semenjak abad ketujuh oleh bahasa Melayu kuno untuk mengungkapkan pelbagai makna dan mesej pada batu-batu bersurat.
- Bahasa India yang lain ialah bahasa Tamil, bahasa Hindustani, dan bahasa Telegu (M.A.J. Beg: 1981:11), yang meresap melalui aktiviti perdagangan di kepulauan Melayu.

2.2 Bahasa dari Asia Barat

- Bahasa Melayu dipengaruhi dengan kuat oleh bahasa Arab melalui perdagangan dan penyebaran agama Islam.
- Kedatangan pengaruh Islam ke Nusantara pada abad ke-13 menyerapkan perbendaharaan katanya ke dalam bahasa Melayu.
- Bahasa ini menyerapkan sistem aksaranya yang dikenali dalam bahasa Melayu sebagai tulisan Jawi di Malaysia atau tulisan Melayu-Arab di Indonesia.
- Bentuk binaan ayat Arab juga terserap dengan ketara dalam penulisan kitab dan kesusasteraan Melayu pada abad ke-16 hingga ke-18.

- Bahasa Parsi turut dipinjam oleh bahasa Melayu yang terserap melalui kegiatan perdagangan.

2.3 Bahasa dari Eropah

- Kehadiran penjajah Barat menyebabkan bahasa Melayu menerima kosa kata daripada bahasa Portugis, Belanda, Inggeris.
- Kosa kata bahasa Inggeris lebih banyak mempengaruhi bahasa Melayu kerana pembudayaan yang mendalam melalui sistem pendidikan, tempoh penjajahan yang panjang, dan penerimaan laras baharu yang berkembang daripada bahasa ini.

2.4 Bahasa dari China

- Bahasa ini terserap melalui pergaulan dengan orang Cina, khususnya melalui perniagaan semenjak pendudukan Inggeris di Pulau Pinang dan penubuhan Negeri-Negeri Selat (Za'ba, 1965:267).
- Kebanyakan perkataan diambil daripada dialek Hokkien (Za'ba, 1965:274).

2.5 Bahasa dari Nusantara

- Bahasa Melayu turut menerima pengaruh daripada bahasa Jawa, Sunda, Bugis, Sumatera, dan lain-lain lagi.
- Bahasa-bahasa ini mula dipinjam pada zaman kerajaan Melayu Melaka kerana pergaulan kejiwaan, persahabatan, dan hubungan perdagangan serantau.

3. FAKTOR-FAKTOR UNSUR BAHASA ASING DIPINJAM

- Peminjaman berlaku atas dasar keperluan untuk menyatakan atau menamai sesuatu yang baharu atau asing daripada fikiran dan budaya orang Melayu.
- Perkembangan dunia ilmu yang pesat memerlukan penggunaan istilah yang sesuai dan memerlukan masa untuk menciptanya sendiri.
- Perkataan yang sedia ada tidak sesuai, tidak tepat atau tidak setara maknanya untuk menyatakan sesuatu maksud dengan berkesan.
- Peminjaman dilakukan untuk melicinkan usaha merancang dan membina bahasa Melayu agar berstatus bahasa moden.
- Menurut Za'ba, penggunaan kata pinjaman juga terjadi kerana sikap sesetengah orang yang berlagak dan menunjukkan dirinya pandai dalam bahasa asing atau bahasa baharu.
- Terdapat pihak yang menganggap bahawa bahasa Melayu tidak dapat menandingi kewibawaan bahasa Inggeris.
- Lazimnya sesuatu masyarakat yang bertamadun tinggi mampu mempengaruhi masyarakat lain yang kurang maju menerima kebudayaan mereka.

4. UNSUR YANG DIPINJAM DARIPADA BAHASA ASING

- Bahasa Melayu meminjam beberapa unsur konsonan, imbuhan, kosa kata, dan kata majmuk tertentu.

4.1 Pinjaman Bunyi Konsonan

- Beberapa bunyi konsonan dipinjam daripada bahasa Sanskrit, Arab, dan Inggeris.
- Bunyi-bunyi tersebut tiada dalam bahasa Melayu

Bahasa sumber	Konsonan	Contoh perkataan		
Bahasa Sanskrit	sy	syurga		
Bahasa Arab	kh	khusus	bakhil	fasakh
	gh	ghaib	loghat	baligh
	sy	syarikat	musykil	Quraisy
	f	fajar	muafakat	takrif
	q	Quran	Furqan	
	z	ziarah	azab	lafaz
Bahasa Inggeris	sy	syif	syampu	fiksyen
	f	filem	morfem	aktif
	v	vokal	novel	levi
	z	zink	Muzium	muzik

4.2 Pinjaman Imbuhan

- Imbuhan dipinjam daripada bahasa Sanskrit, Arab dan Inggeris.
- Imbuhan yang dipinjam berbentuk awalan dan akhiran kata nama sahaja.

(a) Imbuhan Bahasa Sanskrit

Bentuk	Imbuhan	Maksud	Contoh perkataan		
Awalan	dwi-	dua	dwibahasa	dwiguna	dwifungsi
	eka-	satu	ekabahasa	ekabunyi	ekawarna
	maha-	agung / besar / tinggi	mahaguru	maharani	mahasiswa
	panca-	lima	pancadelima	pancasusila	
		bermacam-macam	pancabentuk	pancasuara	pancawarna
	pasca-	selepas	pacakata	pascaperang	
	pra-	sebelum	prakata	pramoden	prauniversiti
	swa-	sendiri	swasta	swalayan	swatenaga
	tata-	peraturan	tatakerja	tataniaga	tatatertib
tuna-	tidak mempunyai	tunabudaya	tunasusila	tunabusana	
Akhiran	-man	bersifat	budiman	seniman	
	-wan	ahli (lelaki)	budayawan	usahawan	wartawan
		memiliki sesuatu	hartawan	ilmuwan	
-wati	ahli (perempuan)	peniagawati	seniwati	wirawati	

(b) Imbuhan Bahasa Arab

Bentuk	Imbuhan	Maksud	Contoh Perkataan		
Awalan	bi-	tidak	biadab	bilazim	binormal
Akhiran	-ah	merujuk perempuan	sultanah	ustazah	salihah
	-at	merujuk perempuan	hadirat	muslimat	musyrikat
	-i	bersifat	azali	insani	bahari
	-iah	bersifat	ilmiah	wataniah	lahiriah
	-in	merujuk lelaki	hadirin	muslimin	musyrikin
	-wi	bersifat	duniawi	manusiawi	sejarawi

(c) **Imbuhan Bahasa Inggeris**

<i>Bentuk</i>	<i>Imbuhan</i>	<i>Maksud</i>	<i>Contoh perkataan</i>		
Awalan	<i>anti-</i>	menentang	anti-Asia	antibiotik	antihadis
	<i>auto-</i>	bersendirian	autonomi	autocarta	automatik
	<i>poli-</i>	banyak	poliarca	poliklinik	polisemi
	<i>pro-</i>	menyebelahi	pro-islam	prokerajaan	propekerja
	<i>sub-</i>	bahagian yang kecil	subbidang	subkategori	subjenis
	<i>supra-</i>	mengatasi	suprasistem	suprakelas	
Akhiran	<i>-al</i>	bersifat	leksikal	kritikal	praktikal
	<i>-ik</i>	bidang	linguistik	fonemik	
	<i>-is</i>	ahli	cerpenis	kartunis	sosialis
	<i>-isme</i>	fahaman	idealisme	realisme	sosialisme

4.3 Pinjaman Kosa Kata

- Bahasa Melayu meminjam kosa kata daripada bahasa Sanskrit, Tamil, Arab, Parsi, Inggeris, Portugis, Belanda, Jawa, Sunda, Sumatera, dan lain-lain.

(a) **Kosa Kata Bahasa Sanskrit**

<i>Bidang</i>	<i>Contoh kosa kata</i>				
Tubuh manusia	anggota roma	bahu rupa	kepala sendi	lidah	nadi
Waktu	dinihari sedia kala	ketika senja	kala sentiasa	masa tadi	purnama tatkala
Barang dagangan	arang kapas	cendana kapur barus	gaharu kasturi	guni neraca	harga sutera
Leburan dan perhiasan	emas baiduri	geliga mutiara	kaca nilam	timah kencana	tembaga permata
Perkakas	bangsi kendi	genta keranda	Gergaji kunci	jala peti	jentera tenggala
Keluarga / Persaudaraan	ayah keluarga	baya remaja	belia saudara	dara suami	isteri teruna
Alam	angkasa gempa	bima sakti gerhana	buana mega	cahaya udara	cakerawala utara
Binatang	biri-biri kuda	gagak merak	gajah merpati	garuda serigala	harimau unta
Tumbuh-tumbuhan	angsana kemboja	beringin labu	bunga Lontar	delima petola	jambu teratai
Perasaan dan keadaan	bahagia cinta	bencana malas	berahi murka	bodoh pahala	celaka suka
Peperangan	cedera panah	tentera panglima	hulubalang perkasa	keris senjata	kota seteru
Kebesaran	anugerah mahkota	bendahara menteri	istana pegawai	maharaja putera	mulia upacara
Pemerintahan	acara kuasa	balai negeri	bangsa penjara	bicara saksi	denda ufti
Agama dan falsafah	agama mantera	bahasa neraka	biduan puasa	dewa sastera	guru syurga

(b) Kosa Kata Bahasa Tamil

apam	keldai	ketumbar	modal	ragam
candi	kapal	kolam	paria	tambi
gerudi	kari	kuli	pili	tirai
gurindam	katil	mahligai	pondan	
jodoh	kedai	mempelam	putu	

(c) Kosa Kata Bahasa Sumatera, Bahasa Jawa dan Sunda

<i>Bahasa</i>	<i>Contoh kosa kata</i>				
Bahasa Sumatera	cegah	gadis	kemanakan	landai	malahan
	ragu	rapi	semenda	teliti	teromba
Bahasa Jawa dan Bahasa Sunda	ancam	andai	anggap	ayu	bagus
	batik	buntu	cerdas	dingin	enak
	gamelan	intip	jaguh	jelik	kejam
	kesal	ketara	kuping	lahar	lakon
	leluasa	lucu	luntur	mendung	mesti
	nyaman	obor	oleh-oleh	pamer	penting
	ratu	saban	sepi	sering	sumur
	tamu	tulen	urus	warung	wayang

(d) Kosa Kata Bahasa Arab

<i>Bidang</i>	<i>Contoh kosa kata</i>				
Agama	ajal	amal	batal	fardu	halal
	iman	kiblat	kufur	masjid	nabi
	rahmat	rukun	syahadat	tahlil	zakat
Ilmu	ayat	bab	darab	falsafah	fatwa
	huruf	jawab	mufti	nahu	petua
	soal	syair	surat	takwim	tafsir
Fikiran dan perasaan	ajaib	asyik	faham	ikhlas	khusus
	masyghul	musykil	khutbah	niat	nasihat
	nafsu	syak	tadbir	takjub	yakin
Hukuman dan peraturan	adil	dakwa	had	hakim	hukum
	kadi	mahkamah	mansuh	tertib	takluk
	uzur	wajib	wakaf	wakil	zalim
Kejadian	akhirat	alam	haiwan	insan	kubah
	loh	nahas	nur	roh	salji
	sifat	taun	wabak	wajah	wujud
Adat dan pergaulan	adat	akad	azimat	batin	darjat
	faedah	fitnah	hadir	hadiah	khalwat
	istiadat	karib	kaum	masyhur	waris

(e) Kosa Kata Bahasa Parsi

andam	bandar	baju	bius	destar
firman	gandum	geram	istana	jam
johan	juadah	kahwin	kapur	laksa
lawak	medan	pasar	perca	piala
pinggan	saudagar	serban	takhta	taman

(f) Kosa Kata Bahasa Cina

<i>Bidang</i>	<i>Contoh kosa kata</i>				
Makanan	bakmi kuih tauge	bepang lai tauhu	bihun laici teh	cincau mi tokyu	kuaci samsu
Perdagangan	candu koyok	cat tahlil	gincu tocang	kekwa	koyan
Perkakas rumah	bangsal loteng	cawan pangkin	dacing sampan	kincir tanglung	loceng teko
Hal manusia	ampau lancong	apek nyonya	banci samseng	kongsi tekong	kuntau tokong
Permainan	capjiki	congkak	congkak	pakau	poh

(g) Kosa Kata Bahasa Portugis

baldi	bangku	meja	baulu	baldu
bola	bomba	dadu	garpu	gereja
jendela	kebaya	keju	kemeja	lampu
lelong	mandur	mentega	meski	minggu
paderi	palsu	peluru	peniti	pita
roda	sekolah	sepatu	tinta	tuala

(h) Kosa Kata Bahasa Belanda

dam	dansa	duit	engsel	geladak
kamar	kantor	laci	ongkos	pelekat
peluit	permisi	rokok	sekoci	senapang

(i) Kosa Kata Bahasa Inggeris

aiskrim	bank	beg	biskut	brek
coklat	diploma	drebar	elaun	elektrik
enjin	gear	geran	glob	inspektor
jel	kelab	kolej	lesen	lokap
majistret	mancis	muzik	notis	pengen
poket	resit	stesen	tayar	telefon
tenis	tiket	tiub	trompet	wisel

4.4 Pinjaman Bentuk Majmuk

bawah tanah	(<i>underground</i>)	gajah putih	(<i>white elephant</i>)
beban kerja	(<i>work load</i>)	kepala surat	(<i>letter head</i>)
buku hijau	(<i>green book</i>)	nota kaki	(<i>footnote</i>)
bulan madu	(<i>honey moon</i>)	pencakar langit	(<i>skyscraper</i>)
duit poket	(<i>pocket money</i>)	perang dingin	(<i>cold war</i>)

FONOLOGI:

KONSEP DALAM FONOLOGI

1. FONOLOGI

- = Cabang ilmu bahasa atau kajian bahasa yang **mengkaji bunyi-bunyi yang berfungsi dalam sesuatu bahasa**.
- Fonologi terdiri daripada fonetik dan fonemik.

1.1 Fonetik:

- = bidang yang **mengkaji bunyi bahasa dan memberikan lambang kepada bunyi bahasa** tersebut
- Fonetik terbahagi kepada tiga cabang:
 - **Fonetik artikulasi / penyebutan** = meneliti **cara bunyi bahasa dihasilkan**
 - **Fonetik pendengaran** = mengkaji **pendengaran dan tanggapan bunyi bahasa** dengan menggunakan alat-alat yang canggih, dan **membuat deskripsi**.
 - Fonetik akustik / sifat bunyi = mengkaji **sifat-sifat fizikal pada bunyi bahasa**, dan **membuat klasifikasi**, dengan menggunakan alat-alat tertentu, antaranya palatogram.

1.2 Fonemik:

- = cabang fonologi yang **menganalisis sistem sesuatu bahasa**, untuk **mengenal pasti fonem** dan **menghasilkan tulisan atau ejaan** untuk bahasa berkenaan.

2. KONSEP BUNYI

- Bunyi ialah gelombang udara yang keluar daripada saluran suara.
- Bunyi yang dimaksudkan ialah **bunyi bahasa = bunyi yang bermakna yang dihasilkan oleh alat pertuturan manusia ketika berkata-kata**.
- Bunyi bahasa diujarkan dalam bentuk **berentetan atau tidak putus**, tetapi dalam kajian fonologi, bunyi tersebut dipecahkan menjadi unit kecil – dipanggil **fon** atau **bunyi penggalan** – untuk memudahkan pemahaman.
- Bunyi yang terhasil bukan ketika berkata-kata, walaupun melibatkan alat pertuturan, tidak termasuk sebagai bunyi bahasa, seperti berdeham, bersih, batuk, atau berdengkur.
- Dalam kata lain, bunyi bahasa ialah sebutan bunyi huruf yang keluar ketika manusia bercakap. Contohnya, ketika menyebut perkataan **cantik**, yang terhasil ialah **enam** bunyi bahasa, iaitu [c], [a], [n], [t], [i], [k].
- Bunyi bahasa terdiri daripada **vokal, konsonan dan diftong**.

3. KONSEP FONEM

- Fonem = **unit bahasa terkecil** yang berfungsi dalam sesuatu bahasa dan **dapat membezakan makna**.
- Fonem **membezakan makna** kerana wujudnya perbezaan bunyi antara dua fonem yang berlainan. Dengan fonem yang berbeza, maknanya turut berbeza.

<i>Perkataan</i>	<i>Fonem</i>	<i>Makna</i>
paku	k	Sejenis benda tajam
palu	l	Satu perbuatan
pasu	s	Sejenis bekas untuk menanam pokok bunga dan lain-lain

- Terdapat fonem yang mempunyai **alofon** = anggota lain fonem yang **ciri fonetiknya sama** tetapi **bunyiya agak berlainan** apabila **hadir pada lokasi yang berbeza**. Perbezaan wujud antara yang hadir pada permulaan suku kata dengan yang menjadi penutup suku kata. Antara contohnya ialah

<i>Fonem dan kedudukannya</i>				<i>Perbezaan bunyi</i>
b	d	j	m	
baru labu	dua indah	jual laju	malu lama	Dihasilkan atau dilepaskan dengan sempurna,
hablur maktab	tadbir had	majmuk buruj	tampi kelam	Dihasilkan atau dilepaskan dengan tidak sempurna – tertahan atau tersekat

- Sebagai unit terkecil, fonem tidak dapat dipecahkan kepada bentuk yang lebih kecil. Contohnya, perkataan **satu** boleh dipecahkan kepada fonem – **s, a, t, dan u**, tetapi setiap fonem itu sudah tidak boleh dipecahkan lagi.
- Secara mudah, fonem ialah bunyi yang dihasilkan ketika manusia bertutur.

4. KONSEP HURUF

- Huruf ialah **kod, tanda, atau lambang dalam tulisan** yang digunakan oleh manusia untuk menggambarkan sesuatu fonem atau bunyi yang dihasilkan oleh alat pertuturan.
- Dalam sistem tulisan Rumi bahasa Melayu, terdapat 26 huruf, iaitu 5 huruf vokal dan 21 huruf konsonan.

Huruf		Fonem	Bunyi (sebutan)
Simbol	Nama		
A a	e	/a/	[a]
B b	bi	/b/	[b]
C c	si	/c/	[c]
D d	di	/d/	[d]
E e	i	/e/	[e]
F f	ef	/f/	[f]

G	g	ji	/g/	[g]
H	h	ec	/h/	[h]
I	i	ai	/i/	[i]
J	j	je	/j/	[j]
K	k	ke	/k/	[k]
L	l	el	/l/	[l]
M	m	em	/m/	[m]
N	n	en	/n/	[n]
O	o	o	/o/	[o]
P	p	pi	/p/	[p]
Q	q	kiu	/q/	[k]
R	r	ar	/r/	[r]
S	s	es	/s/	[s]
T	t	ti	/t/	[t]
U	u	yu	/u/	[u]
V	v	vi	/v/	[v]
W	w	dabliu	/w/	[w]
X	x	eks	/z/	[z]
Y	y	wai	/y/	[y]
Z	z	zet	/z/	[z]

- Huruf Rumi bahasa Melayu wujud dalam empat keadaan, sebagaimana yang berikut:
 - **Satu huruf melambangkan satu bunyi** atau fonem, iaitu **a** hingga **z** seperti dalam jadual di atas.
 - Kecualian: **Huruf e melambangkan dua fonem** mulai 1972, iaitu *e taling* (e) dan *e pepet* (ə).
 - **Gabungan dua huruf konsonan untuk satu bunyi**, umpamanya bunyi asli **ng** dan **ny**, dan bunyi pinjaman **gh**, **sy** dan **kh**.
 - **Gabungan dua huruf vokal untuk menghasilkan bunyi geluncuran**, iaitu **ai**, **au** dan **oi**.

Huruf	Fonem	Bunyi
ng	/ng/	[ŋ]
ny	/ny/	[ɲ]
gh	/gh/	[ɣ]
kh	/kh/	[x]
sy	/sy/	[ʃ]
ai	/ai/	[ai]
au	/au/	[au]
oi	/oi/	[oi]

5. KONSEP SUKU KATA

- Suku kata = bahagian atau pecahan perkataan yang ditandai oleh kehadiran satu vokal (V).
- Vokal itu boleh wujud dalam dua keadaan:
 - **Bersendirian** – boleh berfungsi sebagai satu suku kata, seperti pada perkataan **a-ku**, **fa-e-dah**, **du-a**, dan sebagainya.

- **Bersama-sama dengan konsonan (K)**, sama ada mendahului konsonan, mengikuti konsonan atau diapit oleh dua konsonan.
- Dari segi ejaan, terdapat **sebelas pola suku kata bahasa Melayu**.

Pola		Contoh	
(1) V	i-gau; e-mas	da-e-rah	di-a
(2) VK	as-rama	kelu-ar-ga	bu-ih
(3) KV	jo-ran; se-kat	lem-ba-yung	jan-ji
(4) KVK	sam-pai	-	ce-lup
(5) KKV	pro-ses	-	in-dus-tri
(6) KKVK	trak-tor	-	e-lek-tron
(7) VKK	eks-port	-	-
(8) KVKK	bank	-	kon-teks
(9) KKVKK	-	-	kom-pleks
(10) KKKV	stra-tegi	-	-
(11) KKKVK	struk-tur	-	-

- Pola (1) hingga (4) merupakan **pola umum** yang terdapat pada kebanyakan kata dasar dalam bahasa Melayu.
- Pola (5) hingga (11) mengandungi huruf konsonan rangkap atau gugus konsonan, **dipinjam daripada bahasa Inggeris atau bahasa-bahasa Eropah yang lain**.
- Empat pola merupakan **pola suku kata terbuka** (V, KV, KKV, dan KKKV) = pola yang diakhiri oleh huruf vokal
- Tujuh pola lain ialah **suku kata tertutup** = suku kata yang diakhiri oleh huruf konsonan.

FONOLOGI: ALAT ARTIKULASI

1. PENGENALAN

- Setiap kali bertutur, kita menghasilkan bunyi perkataan, yang dipanggil **bunyi bahasa**.
- Bunyi bahasa dihasilkan oleh alat-alat yang terdapat pada diri manusia, dikenali sebagai **alat artikulasi, alat sebutan/penyebutan, alat pertuturan**, atau **organ pertuturan**.

2. KONSEP ALAT ARTIKULASI

- Alat artikulasi = alat yang terlibat dalam proses pertuturan manusia.
- Terdapat alat artikulasi yang berperanan lain selain untuk bertutur, iaitu untuk makan (bibir, gigi, dan lidah), dan bernafas (paru-paru).
- Masalah atau kerosakan pada alat artikulasi boleh mengganggu penyebutan seperti wujudnya kelainan bunyi.

3. JENIS ALAT ARTIKULASI

(a) **Pengeluar**

- Pengeluar atau **artikulator** = alat sebutan yang **dapat digerak-gerakkan dan diletakkan pada beberapa kedudukan**.

<i>Pengeluar</i>	<i>Fungsi</i>
Bibir bawah	Dapat bergerak ke bibir atas
Gigi bawah	Dapat bergerak ke gigi atas
Lidah	Dapat naik dan turun di dalam rongga mulut
Lelangit lembut	Dapat bergerak ke atas dan ke bawah
Anak tekak	Dapat bergerak ke arah dinding tekak
Pita suara	Dapat terbuka atau tertutup semasa udara melaluinya

(b) **Daerah Pengeluaran**

- Daerah pengeluaran dikenali juga sebagai **titik artikulasi** atau **daerah artikulasi** = tempat yang **tetap atau statik**
- Kebanyakan alat ini terletak **di bahagian sebelah atas** rongga mulut.

- Dikenali sebagai titik atau daerah kerana menjadi **tempat pertemuan/persentuhan dengan pengeluar** dalam proses pengeluaran bunyi bahasa.

<i>Titik Artikulasi</i>	<i>Fungsi</i>
Bibir atas	Tempat persentuhan dengan bibir bawah
Gigi atas	Tempat persentuhan dengan gigi dan bibir bawah
Gusi atas	Tempat persentuhan dengan hujung / depan lidah
Lelangit keras	Tempat persentuhan dengan tengah lidah
Peti suara	Tempat terletaknya pita suara

(c) Rongga Pertuturan

- Rongga pertuturan = **ruang laluan udara** yang datangnya dari paru-paru dalam proses menghasilkan bunyi bahasa
- Terdapat tiga rongga – rongga tekak, rongga mulut, dan rongga hidung.

4. HURAIAN TENTANG ALAT ARTIKULASI

(a) Bibir

- Bibir ialah otot-otot kenyal yang terletak di luar rongga mulut.
- Manusia mempunyai dua bibir, tetapi bibir bawah sahaja yang boleh bergerak - dirapatkan ke bibir atas.
- Apabila dua bibir dihamparkan dan dibundarkan, terhasillah bunyi vokal.
- Sekiranya bibir dirapatkan dan diregangkan serta-merta, terhasil pula bunyi konsonan letupan bibir [p] dan [b], konsonan sengau dua bibir [m], dan konsonan separuh vokal [w].

(b) Lidah

- Lidah alat pertuturan yang paling aktif dalam pengeluaran bunyi bahasa.
- Lidah dibahagikan kepada empat bahagian:
 - hujung lidah
 - depan lidah
 - **tengah lidah**
 - belakang lidah.
- Hujung lidah bahagian yang paling aktif dan bebas –
 - dapat diangkat ke gigi dan gusi atas, lelangit lembut dan lelangit keras
 - dapat membuat penyekatan tertentu, yang membolehkan bunyi konsonan dihasilkan.
- Bahagian depan, tengah dan belakang lidah berfungsi menghasilkan bunyi vokal dan konsonan.

(c) Lelangit

- Lelangit terdiri daripada lelangit keras dan lelangit lembut.
- Lelangit keras:
 - Bermula dari sempadan gusi di bahagian atas hadapan rongga mulut, berbentuk melengkung, dan bertentangan dengan depan lidah.
 - Lelangit keras menerima kehadiran bahagian tengah lidah untuk menghasilkan bunyi konsonan lelangit keras, iaitu letusan [č] dan [ĵ], sengauan [ɲ], geseran [š], dan separuh vokal [y].
- Lelangit lembut:
 - Bermula dari sempadan lelangit keras hingga ke akhir rongga mulut, iaitu bersempadan dengan anak tekak.
 - Lelangit lembut dapat digerakkan, iaitu dinaikkan atau diturunkan.
 - Apabila lelangit lembut dinaikkan dari bahagian belakang lidah, rongga mulut terbuka dan rongga hidung tertutup, akan terhasil bunyi letupan [k] dan [g], dan geseran [x] dan [ɣ].
 - Apabila lelangit lembut diturunkan hingga menyentuh bahagian belakang lidah, rongga hidung terbuka dan rongga mulut **tertutup**, menghasilkan bunyi konsonan lelangit lembut, iaitu sengauan [ŋ].

(d) Anak tekak

- Anak tekak terletak berhampiran rongga tekak, bersempadan dengan lelangit lembut.
- Dapat digerak-gerakkan ke atas dan ke bawah.
- Sekiranya alat ini diturunkan, **rongga** mulut tertutup dan rongga hidung terbuka.
- Sekiranya anak tekak dinaikkan dan dirapatkan ke dinding tekak, rongga hidung akan ditutup.
- Pergerakan anak tekak **hampir** serentak dengan lelangit lembut tetapi fungsinya berlawanan:
 - Apabila lelangit lembut menutup rongga mulut, anak tekak turun untuk membuka rongga hidung
 - Ketika lelangit lembut membuka rongga mulut, anak tekak naik untuk menutup rongga hidung.

(e) Gigi

- Gigi terletak selepas bibir di dalam rongga mulut.
- Bersama-sama dengan gusi selalunya digunakan sebagai penampakan aliran udara, khususnya dengan hujung lidah.
- Gigi terdiri daripada gigi atas dan gigi bawah.
- Gigi bawah boleh digerakkan, tetapi gigi atas statik.
- Gigi bawah dan gigi atas mengapit hujung lidah ketika penghasilan bunyi konsonan geseran [θ] dan [ð].
- Gigi atas berinteraksi dengan bibir bawah untuk menghasilkan bunyi konsonan geseran bibir-gigi [f] dan [v].

(f) Gusi

- Gusi berfungsi memegang gigi, terletak selepas gigi atas dan sebelum lelangit keras.
- Beberapa bunyi konsonan terhasil daripada interaksi gusi dengan hujung lidah, iaitu sisan [l], geseran [s] dan [z], letupan [t] dan [d], konsonan sengau [n] dan getaran [r].

(g) Peti Suara dan Pita Suara

- Peti suara = struktur otot rawan yang terletak di bahagian atas rongga tekak, berhampiran dengan halkum.
- Di dalam peti suara ini terletak pita suara, iaitu sepasang otot yang boleh diregangkan dan disempitkan.
- Ruang di antara dua otot ini dipanggil glotis, iaitu bahagian yang mengawal arus udara.
- Suara terhasil apabila pita suara atau glotis disempitkan dan bahagian tepinya bergetar; manakala bisikan terjadi apabila glotis disempitkan dan kemudiannya ditegangkan untuk menahan berlakunya getaran.
- Pita suara berfungsi menghasilkan bunyi bersuara dan tak bersuara. Apabila pita suara bergetar, terhasillah bunyi bersuara, dan sebaliknya.
- Pita suara juga dipanggil “glotal”, yang boleh menghasilkan bunyi konsonan letupan glotis [ʔ] dan geseran [h].

(h) Rongga Hidung

- Rongga hidung terletak di atas rongga mulut.
- Rongga ini boleh dibuka dan ditutup oleh anak tekak.
- Sekiranya rongga hidung ini terbuka, arus udara yang melaluinya dan keluar melalui lubang hidung akan menghasilkan bunyi konsonan sengau serta vokal [a] dan [i] sengau.

(i) Rongga Tekak

- Rongga tekak terletak di bawah rongga hidung, dan bersambung dengan rongga mulut.
- Udara dari paru-paru melalui rongga ini sebelum masuk sama ada ke rongga mulut atau rongga hidung.


(j) Rongga Mulut

- Rongga mulut memuatkan banyak alat artikulasi – gigi, gusi, lelangit lembut dan lelangit keras, anak tekak, dan lidah.
- Rongga mulut dibuka apabila belakang lidah diturunkan daripada lelangit lembut, dan sebaliknya ditutup apabila belakang lidah menyentuh lelangit lembut.

(k) **Alat lain:**

- **Dinding Tekak** – sempadan di bahagian belakang rongga tekak; laluan udara sebelum masuk ke rongga mulut atau ke rongga hidung
- **Paru-paru** – dari sini datangnya udara yang keluar semasa penutur menghembuskan nafas melalui rongga hidung.

Gambar rajah: Kedudukan alat artikulasi



FONOLOGI: BUNYI VOKAL

1. KONSEP BUNYI VOKAL

- Bunyi vokal merupakan **bunyi kardinal**. Bunyi kardinal ialah **bunyi yang telah ditetapkan** dan diumumkan, dan **dapat difahami oleh semua bangsa**.
- Bunyi vokal terdiri daripada **bunyi bersuara**, kerana semasa menyebutnya, **pita suara dalam keadaan bergetar**.
- Pengeluaran bunyi vokal melibatkan peranan **bahagian lidah dan keadaan bibir**.
- Dalam bahasa Melayu, bunyi vokal terdiri daripada dua situasi:
 - **vokal utama / baku** [a], [i], [e] (e taling), [ə] (e pepet), [o], dan [u]
 - **vokal tidak baku** [ε] dan [ɔ].


2. CIRI BUNYI VOKAL

- Bunyi vokal dapat **membentuk suku kata** – secara bersendirian atau bersama dengan bunyi konsonan.
- Bunyi vokal dianggap sebagai **bunyi terkemuka** – bunyinya **lebih lantang** berbanding dengan bunyi konsonan.
- Semua bunyi vokal merupakan **bunyi bersuara**.
- Semasa menghasilkan bunyi vokal, **udara bergerak tanpa halangan** dan keluar melalui rongga mulut.

3. JENIS BUNYI VOKAL

- Berdasarkan peranan bahagian lidah semasa menghasilkannya, bunyi vokal terdiri daripada tiga jenis:
 - **vokal hadapan** (bahagian hadapan lidah) – terdiri daripada [i], [e] (e taling), [ε], dan [a]
 - **vokal tengah** (bahagian tengah lidah) – terdiri daripada [ə] (e pepet)
 - **vokal belakang** (bahagian belakang lidah) – terdiri daripada [u], [o] dan [ɔ]
- Semasa menghasilkan bunyi vokal, bahagian lidah diiringi oleh keadaan bibir:
 - vokal hadapan – **bibir bundar**
 - vokal tengah – **bibir biasa (neutral)**
 - vokal belakang – **bibir bundar**


¹ Raja Mukhtaruddin bin Raja Mohd Dain. *Ilmu Fonetik dengan Latihan*. Petaling Jaya: Agensi Penerbitan Nusantara (1985:20).



Rajah: Keratan rentas lidah – bahagian lidah dan vokal yang dihasilkan



Rajah: Bibir dalam keadaan hampar



Rajah: Bibir dalam keadaan bundar

- Untuk mengeluarkan bunyi vokal bahasa Melayu, lidah akan berada pada kedudukan yang berikut:
 - **Sempit** – lidah dinaikkan paling tinggi di dalam rongga mulut tetapi tidak menyentuh langit
 - **Separuh sempit** – lidah diturunkan $\frac{1}{3}$ daripada sempit
 - **Separuh luas** – lidah diturunkan $\frac{1}{3}$ daripada kedudukan separuh sempit
 - **Luas** – lidah diturunkan serendah-rendahnya di dalam rongga mulut
- Konsep sempit, separuh sempit, separuh luas, dan luas berkaitan dengan **bukaan rongga mulut** dan **berdasarkan kedudukan lidah**. Contohnya, apabila lidah berada pada kedudukan paling tinggi di dalam rongga mulut, ruang di antara langit dengan lidah adalah dekat, maka dipanggil **sempit**.

4. CARA MENGHASILKAN BUNYI VOKAL

- Semasa pengeluaran semua bunyi vokal, **anak tekak dan langit lembut dinaikkan rapat ke dinding tekak atau ke belakang rongga tekak** untuk **menutup rongga hidung**. Hal ini menyebabkan udara tidak memasuki rongga hidung.
- **Udara dari paru-paru** yang melalui pita suara akan **menggetarkan pita suara itu**, dan menghasilkan **bunyi bersuara**.
- Udara **tidak mengalami sebarang gangguan** dan **keluar melalui rongga mulut**.

(a) Vokal Depan

- Pengeluaran bunyi vokal depan melibatkan **peranan bahagian depan lidah**, sama ada dinaikkan atau diturunkan.

Jenis Vokal Depan	Cara Pengeluaran	Contoh Penggunaan dalam Perkataan		
		<i>Awal</i>	<i>Tengah</i>	<i>Akhir</i>
Vokal depan sempit [i]	Depan lidah dinaikkan setinggi-tingginya tanpa menyentuh langit keras	<ul style="list-style-type: none"> • iman • ingkar • irama 	<ul style="list-style-type: none"> • hidup • selimut • kerisik 	<ul style="list-style-type: none"> • guli • kerusi • kami

Vokal depan separuh sempit [e]	Depan lidah diturunkan $\frac{1}{3}$ dari kedudukan [i]	• elak • eja • epik	• tembak • potensi • teres	• sate • tauke • karate
Vokal depan separuh luas [ɛ]	Depan lidah diturunkan $\frac{1}{3}$ dari kedudukan [e]	• ɛlak • ɛja • ɛpik	• tɛmbak • potensi • tɛres	• tauge • taukɛ
Vokal depan luas [a]	Depan lidah diturunkan serendah-rendahnya	• alih • ampun • agung	• hampir • kerani • selamat	• pita • teroka • semua

- Tiada bunyi [e] pada akhir kata asli bahasa Melayu. Yang wujud terdiri daripada kata pinjaman, khususnya daripada bahasa Jawa atau bahasa Inggeris.
- Vokal [ɛ] biasanya digunakan dalam dialek.

(b) Vokal Tengah

- Pengeluaran bunyi vokal tengah melibatkan **peranan bahagian puncak tengah lidah**.

Jenis Vokal Tengah	Cara Pengeluaran	Contoh Penggunaan dalam Perkataan		
		Awal	Tengah	Akhir
Vokal tengah [ə]	Puncak tengah lidah berada pada kedudukan di antara separuh luas dengan separuh sempit	• əngkau • əmas • əmpulur	• kəmas • kəməlut • novəl	-

- Tiada bunyi tengah baku pada akhir kata bahasa Melayu asli. Akhiran **-isme** merupakan contoh bunyi pinjaman daripada bahasa Inggeris.

(c) Vokal Belakang

- Pengeluaran bunyi vokal belakang melibatkan **peranan bahagian belakang lidah**, sama ada dinaikkan atau diturunkan.

Jenis Vokal Belakang	Cara Pengeluaran	Contoh Penggunaan dalam Perkataan		
		Awal	Tengah	Akhir
Vokal belakang sempit [u]	Belakang lidah dinaikkan setinggi-tingginya tanpa menyentuh langit lembut	• usaha • umpama • ulit	• hudup • seluar • kelulut	• hulu • kematu • ilmu
Vokal belakang separuh sempit [o]	Belakang lidah diturunkan $\frac{1}{3}$ dari kedudukan [u]	• ombak • orang • opah	• coreng • belot • boros	• hero • antero • soto
Vokal belakang separuh luas [ɔ]	Belakang lidah diturunkan $\frac{1}{3}$ dari kedudukan [o]	• ɔmbak • ɔrang • ɔpah	• cɔreng • bɛlot • bɔrɔs	• tuɔ • tigɔ • geligɔ

- Tiada bunyi vokal [o] baku pada akhir kata bahasa Melayu asli. Yang wujud terdiri daripada kata pinjaman, khususnya daripada bahasa Jawa atau bahasa Inggeris.
- Vokal [ɔ] biasanya digunakan dalam dialek.


BUNYI BAHASA MELAYU – BUNYI DIFTONG

1. PENGENALAN

- Bunyi diftong ialah bunyi yang berbeza daripada bunyi vokal dan konsonan, walaupun bunyi ini terhasil daripada gabungan dua bunyi vokal.

2. KONSEP BUNYI DIFTONG

- *Bunyi diftong* ialah bunyi cantuman dua bunyi vokal yang berada dalam satu suku kata.
- Bunyi ini dikeluarkan dengan menggeluncurkan lidah dari vokal pertama ke vokal yang berikutnya.
- Dalam bahasa Melayu, bunyi diftong terdiri daripada tiga jenis, iaitu [ai], [au], dan [oi].



Rajah: Keratan rentas lidah tentang kedudukan bunyi diftong

3. CIRI BUNYI DIFTONG

- Bunyi diftong terdiri daripada deretan dua vokal yang berada pada satu suku kata.
- Diftong mempunyai satu puncak kelantangan, iaitu pada vokal pertama, kerana sebutannya lebih lantang dan lebih panjang berbanding dengan vokal kedua.
- Semasa penyebutannya, terjadi geluncuran lidah selepas vokal pertama.
- Kedua-dua vokal dilafazkan dalam satu hembusan nafas sahaja.
- Semua bunyi diftong ialah bunyi bersuara kerana arus udara dari paru-paru menggetarkan pita suara.
- Arus udara tidak mengalami sebarang halangan semasa pergerakannya.

4. CARA PENGHASILAN BUNYI DIFTONG

- Bunyi diftong dihasilkan dengan penyebutan vokal pertama dan lidah digeluncurkan ke arah vokal kedua dalam satu hembusan nafas.
- Lelangit lembut dinaikkan dan anak tekak menyentuh dinding tekak.
- Arus udara keluar melalui rongga mulut.

<i>Nama Diftong</i>	<i>Cara Menghasilkannya</i>	<i>Contoh</i>
[ai]	<ul style="list-style-type: none"> • Bunyi bermula dengan lidah berada pada kedudukan bunyi vokal depan luas [a]. • Lidah digeluncurkan serta-merta ke arah tempat menghasilkan bunyi vokal depan sempit [i]. • Bibir dalam keadaan terhampar. 	<ul style="list-style-type: none"> • [hairan] • [gulai] • [tirai]
[au]	<ul style="list-style-type: none"> • Bunyi bermula dengan lidah berada pada kedudukan bunyi vokal depan luas [a]. • Lidah digeluncurkan serta-merta ke arah tempat menghasilkan bunyi vokal belakang sempit [u]. • Bibir daripada terhampar menjadi bundar. 	<ul style="list-style-type: none"> • [saujana] • [silau] • [hirau]
[oi]	<ul style="list-style-type: none"> • Bunyi bermula dengan lidah berada pada kedudukan bunyi vokal belakang separuh sempit [o]. • Lidah digeluncurkan serta-merta ke arah tempat menghasilkan bunyi vokal depan sempit [i]. • Bibir daripada bundar menjadi terhampar. 	<ul style="list-style-type: none"> • [boikot] • [konvoi] • [sepoi]

BUNYI BAHASA MELAYU – BUNYI KONSONAN

1. PENGENALAN

- Bunyi konsonan merupakan bunyi yang paling banyak digunakan dalam pertuturan bahasa Melayu.
- Terdapat 19 bunyi konsonan asli dalam bahasa Melayu, dan lapan bunyi konsonan pinjaman daripada bahasa Inggeris dan bahasa Arab.

2. KONSEP BUNYI KONSONAN

- *Bunyi konsonan* ialah bunyi bahasa yang bertentangan dengan bunyi vokal.
- Bunyi konsonan dianggap sebagai bunyi tidak terkemuka berbanding dengan bunyi vokal.
- Pengklasifikasian bunyi konsonan dibuat dengan berasaskan cara dan daerah sebutan yang terlibat. Oleh itu, bunyi konsonan terdiri daripada letupan, letusan, sengauan, sisian, geseran, getaran, dan separuh vokal.
- Setiap bunyi itu pula dijeniskan mengikut daerah sebutan, iaitu dua bibir, bibir-gigi, gigi-gusi (sesetengah ahli linguistik menyatakan gusi sahaja), langit keras, langit lembut, dan hentian glotis.
- Bunyi konsonan terdiri daripada kategori letupan (*plosif*), letusan (*afrikat*), geseran (*prikatif*), getaran (*tril*), sisian (*lateral*), sengau (*nasal*), dan separuh vokal.
- Konsonan asli bahasa Melayu terdapat dalam setiap kategori, tetapi konsonan pinjaman hanyalah melibatkan konsonan geseran.

Cara Sebutan	Daerah Artikulasi													
	Dua bibir		Bibir-gigi		Gigi		Gusi		Langit keras		Langit lembut		Hentian glotis	
Letupan	b	p					d	t			g	k		ʔ
Letusan									ʃ	ç				
Getaran							r							
Sisian							l							
Geseran			v	f	ð	θ	z	s	ʃ		ɣ	x		h
Separuh vokal	w								y					
Sengauan	m						n		ɲ		ŋ			

Jadual: Bunyi konsonan bahasa Melayu (Asli dan pinjaman)

3. CIRI BUNYI KONSONAN

- Bunyi konsonan boleh terdiri daripada bunyi bersuara dan bunyi tak bersuara, iaitu melibatkan getaran atau tidak terjadinya getaran semasa penghasilan bunyi berkenaan.
- Dalam penghasilan bunyi konsonan, udara dari paru-paru mengalami gangguan, sama ada sekatan, sempitan, atau geseran pada daerah artikulasi tertentu.

4. CARA MENGHASILKAN BUNYI KONSONAN

- Umumnya, bunyi konsonan terhasil dengan beberapa cara dengan berdasarkan sekatan udara pada daerah artikulasi yang menjadi nama bagi konsonan terbabit.

4.1 Bunyi Konsonan Letupan

- Konsonan letupan ialah konsonan yang terhasil apabila udara tersekat pada daerah artikulasi tertentu dan udara itu dilepaskan secara serta-merta atau tiba-tiba.
- Terdapat tujuh bunyi konsonan letupan.
- Semasa penghasilan semua bunyi konsonan letupan, yang terjadi:
 - langit lembut diangkat
 - anak tekak disentuh pada dinding tekak
 - udara keluar melalui rongga mulut.
- Bunyi konsonan letupan boleh terdiri daripada jenis bersuara dan tak bersuara.

<i>Letupan</i>			<i>Contoh</i>	<i>Cara Menghasilkannya</i>	
Dua bibir	Bersuara	[b]	<ul style="list-style-type: none"> • [bina] • [habis] • [kitab]* 	Pita suara bergetar	<ul style="list-style-type: none"> • Bibir bawah menyentuh bibir atas. • Arus udara tersekat pada rapatan dua bibir.
	Tak bersuara	[p]	<ul style="list-style-type: none"> • [patah] • [lompat] • [gelap] 	Pita suara tak bergetar	<ul style="list-style-type: none"> • Rapatan pada dua bibir diregangkan dan udara dilepaskan serta-merta
Gusi	Bersuara	[d]	<ul style="list-style-type: none"> • [dahan] • [kedut] • [wujud]* 	Pita suara bergetar	<ul style="list-style-type: none"> • Hujung lidah menyentuh gusi atas. • Arus udara tersekat pada rapatan hujung lidah dengan gusi
	tak bersuara	[t]	<ul style="list-style-type: none"> • [timba] • [hantar] • [kerat] 	Pita suara tak bergetar	<ul style="list-style-type: none"> • Rapatan hujung lidah-gusi diregangkan dan udara dilepaskan serta-merta
Langit lembut	Bersuara	[g]	<ul style="list-style-type: none"> • [garam] • [bagus] • [beg]* 	Pita suara bergetar	<ul style="list-style-type: none"> • Belakang lidah menyentuh langit lembut. • Arus udara tersekat pada rapatan belakang lidah dengan langit lembut
	tak bersuara	[k]	<ul style="list-style-type: none"> • [kesan] • [pikat] • [kukus] 	Pita suara tak bergetar	<ul style="list-style-type: none"> • Rapatan belakang lidah-langit diregangkan dan udara dilepaskan serta-merta
Hentian glotis*	tak bersuara	[ʔ]	<ul style="list-style-type: none"> • [raʔsa] • [raʔsa] • [segaʔ] • [ʔalih] • [kaʔedah] • [maʔaf] 	Pita suara tak bergetar	<ul style="list-style-type: none"> • Pita suara bersentuhan atau rapat. • Arus udara tersekat pada rapatan pita suara • Rapatan pita suara diregangkan dan udara dilepaskan serta-merta

- Bunyi [b]*, [d]* dan [g]*, jika digunakan pada akhir kata, menunjukkan bahwa perkataan tersebut ialah kata pinjaman daripada bahasa Arab.
- Bunyi hentian glotis* [ʔ] bukan sahaja hadir pada akhir suku kata, tetapi wujud sebelum bunyi vokal dan di antara dua bunyi vokal.

4.2 Bunyi Konsonan Letusan

- Konsonan letusan ialah konsonan yang terhasil apabila udara tersekat pada daerah artikulasi tertentu dan udara itu dilepaskan secara perlahan-lahan atau sedikit-sedikit.
- Terdapat dua bunyi konsonan letusan.
- Udara keluar melalui rongga mulut.

<i>Letusan</i>		<i>Contoh</i>	<i>Cara Menghasilkannya</i>	
Lelangit keras	Bersuara	[j]	<ul style="list-style-type: none"> • [ʃalin] • [buʃur] • [mesej]* 	Pita suara bergetar <ul style="list-style-type: none"> • Tengah lidah menyentuh lelangit keras. • Arus udara tersekat pada rapatan tengah lidah dengan lelangit keras.
	Tak bersuara	[ç]	<ul style="list-style-type: none"> • [čalar] • [bunčit] • [mač]* 	Pita suara tak bergetar <ul style="list-style-type: none"> • Rapatan tengah lidah-lelangit keras diregangkan dan udara dilepaskan serta-merta.

- Bunyi [j]* dan [ç]* pada akhir kata menunjukkan bahwa perkataan tersebut ialah kata pinjaman daripada bahasa Arab atau bahasa Inggeris.

4.3 Bunyi Konsonan Getaran

- Bunyi getaran ialah bunyi yang melibatkan getaran hujung lidah berkali-kali pada gusi.
- Terdapat hanya satu bunyi konsonan getaran.
- Udara keluar melalui rongga mulut.

<i>Getaran</i>		<i>Contoh</i>	<i>Cara Menghasilkannya</i>	
Gusi	Bersuara	[r]	<ul style="list-style-type: none"> • [rakan] • [seri] • [dasar] 	Pita suara bergetar <ul style="list-style-type: none"> • Hujung lidah menyentuh gusi atas. • Arus udara tersekat pada rapatan hujung lidah-gusi. • Hujung lidah bergetar pada gusi beberapa kali.

4.4 Bunyi Konsonan Sisian

- Bunyi sisian ialah bunyi yang terhasil apabila udara melalui sisi gusi.
- Terdapat satu sahaja bunyi konsonan sisian.
- Udara keluar melalui rongga mulut.

<i>Sisian</i>		<i>Contoh</i>	<i>Cara Menghasilkannya</i>	
Gusi	Bersuara	[l]	<ul style="list-style-type: none"> • [lusuh] • [belit] • [gatal] 	Pita suara bergetar <ul style="list-style-type: none"> • Hujung lidah menyentuh gusi atas. • Arus udara tersekat pada rapatan hujung lidah-gusi. • Arus melalui ruang di kanan dan di kiri gusi.

4.5 Bunyi Konsonan Geseran

- Bunyi konsonan geseran ialah bunyi yang terhasil akibat daripada terjadinya geseran udara pada sempitan alat-alat artikulasi pada daerah artikulasi.

- Konsonan geseran dalam bahasa Melayu mengandungi dua konsonan asli dan lapan konsonan pinjaman daripada bahasa Arab dan bahasa Inggeris.
- Udara keluar melalui rongga mulut.

<i>Geseran Asli</i>			<i>Contoh</i>	<i>Cara Menghasilkannya</i>	
Gusi	Tak bersuara	[s]	<ul style="list-style-type: none"> • [sedikit] • [basah] • [tebas] 	Pita suara tak bergetar	<ul style="list-style-type: none"> • Hujung lidah mendekati gusi. • Arus udara bergeser pada sempitan hujung lidah-gusi.
Glotis	Tak bersuara	[h]	<ul style="list-style-type: none"> • [hasil] • [bahawa] • [serah] 	Pita suara tak bergetar	<ul style="list-style-type: none"> • Pita suara terbuka dalam keadaan sempit. • Arus udara bergeser pada bukaan sempit pita suara.

<i>Geseran Pinjaman</i>			<i>Contoh</i>	<i>Cara Menghasilkannya</i>	
Bibir-gigi	Bersuara	[v]	<ul style="list-style-type: none"> • [vanila] • [levi] • [novel] 	Pita suara bergetar	<ul style="list-style-type: none"> • Bibir bawah mendekati gigi atas. • Arus udara bergeser pada sempitan bibir bawah-gusi atas.
	tak bersuara	[f]	<ul style="list-style-type: none"> • [fokus] • [hafaz] • [lif] 	Pita suara tak bergetar	
Gigi	Bersuara	[ð]	<ul style="list-style-type: none"> • [ðarab] • [kaði] • [nusuð] 	Pita suara bergetar	<ul style="list-style-type: none"> • Hujung lidah berada di antara gigi bawah dengan gigi atas. • Arus udara bergeser pada bahagian atas lidah dan gigi atas.
	tak bersuara	[θ]	<ul style="list-style-type: none"> • [θabit] • [miθali] • [hadiθ] 	Pita suara tak bergetar	
Gusi	Bersuara	[z]	<ul style="list-style-type: none"> • [zaman] • [lazim] • [kuiz] 	Pita suara bergetar	<ul style="list-style-type: none"> • Depan lidah mendekati gusi atas. • Arus udara bergeser pada sempitan depan lidah-gusi atas.
Lelangit keras	Tak bersuara	[ʃ]	<ul style="list-style-type: none"> • [šarah] • [išarat] • [skuaš] 	Pita suara tak bergetar	<ul style="list-style-type: none"> • Tengah lidah mendekati lelangit keras. • Arus udara bergeser pada sempitan tengah lidah-lelangit keras.
Lelangit lembut	Bersuara	[ɣ]	<ul style="list-style-type: none"> • [yaib] • [loyat] • [baliɣ] 	Pita suara bergetar	<ul style="list-style-type: none"> • Belakang lidah mendekati lelangit lembut. • Arus udara bergeser pada sempitan belakang lidah-lelangit lembut.
	Tak bersuara	[x]	<ul style="list-style-type: none"> • [xabar] • [axir] • [tarix] 	Pita suara tak bergetar	

4.6 Bunyi Konsonan Separuh Vokal

- Bunyi konsonan separuh vokal ialah bunyi yang bermula dengan bunyi vokal sebelum berlaku geluncuran ke arah bunyi lain yang sama atau lebih kelantangannya.
- Bunyi ini dianggap sebagai konsonan kerana sifat geluncurannya yang pantas serta dengan tekanan pernafasan yang lemah.
- Arus udara keluar melalui rongga mulut.
- Konsonan separuh vokal terdiri daripada dua bunyi.

<i>Separuh Vokal</i>			<i>Contoh</i>	<i>Cara Menghasilkannya</i>	
Dua bibir	Bersuara	[w]	<ul style="list-style-type: none"> • [waktu] • [lewat] • [mawas] 	Pita suara bergetar	<ul style="list-style-type: none"> • Belakang lidah pada mulanya dalam keadaan untuk menghasilkan bunyi vokal belakang sempit. • Lidah digeluncurkan dengan pantas ke arah bunyi vokal tengah
Lelangit keras	Bersuara	[y]	<ul style="list-style-type: none"> • [yuran] • [bayar] • [sayup] 	Pita suara bergetar	<ul style="list-style-type: none"> • Depan lidah pada awalnya dalam keadaan untuk menghasilkan bunyi vokal depan sempit. • Lidah digeluncurkan dengan pantas ke arah bunyi vokal tengah.

4.7 Bunyi Konsonan Sengauan

- Bunyi konsonan sengauan ialah bunyi yang terhasil kesan daripada udara keluar melalui rongga hidung.
- Udara keluar melalui rongga hidung kerana lelangit lembut turun atau dalam keadaan biasa, dan anak tekak renggang daripada dinding tekak.
- Sekatan udara terjadi pada daerah artikulasi di dalam rongga mulut seperti yang dialami bunyi vokal lain.
- Terdapat empat jenis bunyi konsonan sengauan dalam bahasa Melayu.

<i>Sengauan</i>			<i>Contoh</i>	<i>Cara Menghasilkannya</i>	
Dua bibir	Bersuara	[m]	<ul style="list-style-type: none"> • [murka] • [lamar] • [silam] 	Pita suara bergetar	<ul style="list-style-type: none"> • Bibir bawah menyentuh bibir atas. • Arus udara tersekat pada rapatan bibir atas dan bibir bawah.
Gusi	Bersuara	[n]	<ul style="list-style-type: none"> • [nasihat] • [sinar] • [hutan] 	Pita suara bergetar	<ul style="list-style-type: none"> • Hujung lidah menyentuh gusi atas. • Arus udara tersekat pada rapatan hujung lidah-gusi atas.
Lelangit keras	Bersuara	[ŋ]	<ul style="list-style-type: none"> • [ŋaris] • [reŋai] • [ŋapi] 	Pita suara bergetar	<ul style="list-style-type: none"> • Tengah lidah menyentuh lelangit keras. • Arus udara tersekat pada rapatan tengah lidah-lelangit keras.
Lelangit lembut	Bersuara	[ŋ]	<ul style="list-style-type: none"> • [ŋilu] • [uŋka] • [baŋkaŋ] 	Pita suara bergetar	<ul style="list-style-type: none"> • Belakang lidah menyentuh lelangit lembut. • Arus udara tersekat pada rapatan belakang lidah-lelangit lembut.

STRUKTUR SUKU KATA
BAHASA MELAYU

1. PENGENALAN

- Sesuatu perkataan terbina daripada sekurang-kurangnya satu suku kata, seperti **pun**, **yang**, **cat**, dan sebagainya.
- Bahasa Melayu mempunyai kata tunggal sehingga beberapa suku kata. Perkataan **jadi** terdiri daripada dua suku kata, perkataan **telaga** terdiri daripada tiga suku kata, perkataan **biduanda** mengandungi empat suku kata, dan perkataan **cenderawasih** mengandungi lima suku kata.
- Dalam perkataan berimbuhan, imbuhan seperti **pe-**, **ber-**, **-kan**, dan lain-lain lagi, dianggap sebagai satu suku kata.

2. KONSEP SUKU KATA

- **Suku kata** dalam bahasa Melayu ialah bahagian perkataan yang ditandai oleh kehadiran satu vokal (V).
- Vokal boleh wujud bersendirian atau bersama dengan konsonan (K).
- Kesemua enam vokal baku bahasa Melayu boleh terlibat dalam pembinaan struktur suku kata.

3. STRUKTUR SUKU KATA

- Terdapat sebelas struktur atau pola suku kata bahasa Melayu, yang terdiri daripada struktur suku kata asli dan struktur suku kata pinjaman.

2.1 Struktur Suku Kata Asli

- Suku kata asli bahasa Melayu terdiri daripada empat struktur sahaja.

	Struktur	Contoh			
1	V	• a-rang • e-lok • e-mas	• i-gau • o-leh • u-lama	• tu-a-la • ka-e-dah • ku-i-ni	• gu-a
2	VK	• as-rama • em-payar • in-dah		• kelu-ar-ga	• selu-ar • bu-ih
3	KV	• ba-rang • te-ma • ke-rat	• bi-las • co-ret • su-ku	• ke-pa-lang • ke-re-pek	• ge-li-iat • ke-lo-pak • se-ru-nai
4	KVK	• han-tu • lem-bu	• pin-tu • bom-ba • tum-da	• ke-lam-bu • ke-ran-da • se-run-ding	• ba-rat • ke-ris • ce-kup

2.2 Struktur Suku Kata Pinjaman

- Suku kata pinjaman terdiri daripada tujuh struktur.
- Kebanyakannya dipinjam daripada bahasa Inggeris atau bahasa Eropah lain.

	<i>Struktur</i>	<i>Contoh</i>		
1	KKV	• pro -tes	• kri -ket	• indus- tri •
2	KKVK	• trak -tor	• pres -tasi	• elek- tron • eks- pres
3	VKK	• eks -port	• eks -tradisi	-
4	KVKK	• bank		• kon- teks • im- port
5	KKVKK		-	• kom- pleks
6	KKKV	• stra -tegi		-
7	KKKVK	• struk -tur		-

4. JENIS SUKU KATA

- Suku kata dalam bahasa Melayu terdiri daripada jenis terbuka dan tertutup.

<i>Jenis Suku Kata</i>	<i>Pengertian</i>	<i>Contoh</i>
Suku kata terbuka	Suku kata yang berakhir dengan bunyi atau huruf vokal.	• pe -rut • teng- ku • ku -da
Suku kata tertutup	Suku kata yang berakhir dengan bunyi atau huruf konsonan.	• lam -pu • ke- ring • tem -poh

SISTEM EJAAN RUMI BAHASA MELAYU

1. PENGENALAN

- Dalam penulisan, ejaan digunakan sebagai lambang atau ganti bagi bunyi yang terdapat dalam sistem lisan atau percakapan.
- Bahasa Melayu mempunyai dua sistem ejaan, iaitu ejaan Rumi, dan ejaan Jawi. Walaupun begitu, dalam kebanyakan hal, termasuk urusan rasmi, ejaan Rumi diberikan keutamaan.

2. KONSEP EJAAN

- *Ejaan* ialah kaedah atau cara menulis perkataan dengan menggunakan huruf.
- Sistem ejaan bahasa Melayu yang digunakan dalam bahasa Melayu ialah Sistem Ejaan Rumi Baharu Bahasa Melayu yang bermula secara rasmi pada 16 Ogos 1972.
- Badan yang bertanggungjawab menyusun pedoman ejaan Rumi di Malaysia ialah Jawatankuasa Tetap Bahasa Malaysia yang dilantik oleh Menteri Pendidikan Malaysia, dan diletakkan di bawah pengurusan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sistem ejaan ini diselaraskan dengan sistem ejaan bahasa Indonesia.

3. POLA KESELARASAN HURUF VOKAL

3.1 Konsep dan Prinsip Pola Keselarasan Vokal

- *Keselarasan vokal* ialah kesesuaian dua huruf vokal yang terdapat dalam dua suku kata pada sesuatu kata dasar.
- Suku kata yang dimaksudkan ialah suku kata praakhir terbuka atau tertutup, dan suku kata akhir tertutup.
- Keselarasan tertakluk kepada prinsip atau syarat-syarat yang berikut:
 - Berdasarkan kata dasar sahaja
 - Kata dasar yang berakhiran suku kata tertutup sahaja
 - Dua suku kata terakhir sahaja dikira sekiranya kata dasar itu mengandungi lebih daripada dua suku kata.

3.2 Jenis Pola Keselarasan Vokal

- Pola keselarasan terdiri daripada jenis utama dan jenis kecualian.
 - (a) **Pola Keselarasan Utama**
 - Terdapat 18 pola keselarasan vokal utama dalam Sistem Ejaan Rumi Baharu Bahasa Melayu (Ismail Dahaman, 2000:12-13).

	<i>Pola</i>		<i>Perkataan Contoh</i>	
	<i>Praakhir</i>	<i>Akhir</i>	<i>Dua suku kata</i>	<i>Lebih dua suku kata</i>
1	a	a	• ayah • rancak	• halaman • kelawar
2	a	i	• adik • sakit	• sumbangsih • kerambit
3	a	u	• atur • pancur	• lembayung • belatuk
4	e pepet	a	• eram • ternak	• tembelang • mempelam
5	e pepet	i	• celik • herdik	• sembelih • cengkerik
6	e pepet	u	• jemput • lentur	• temenggung • menerung
7	e taling	a	• enak • tepak	• belerang • kelewang
8	e taling	e taling	• ejek • cetek	• selekeh • cerewet
9	e taling	o	• elok • bengkok	• selekoh • kerepot
10	i	a	• iras • singkat	• selinap • kelicap
11	i	i	• ingin • rintis	• belimbing • serindit
12	i	u	• ikut • pikul	• seliuh • geliut
13	o	a	• olak • joran	• tempoyak • kelopak
14	o	e taling	• oleng • songket	• celoteh • celoreng
15	o	o	• otot • sotong	• kelompok • seronok
16	u	a	• ulat • sumpah	• ketupat • ketumbar
17	u	i	• ulit • tumis	• tempuling • ketumbit
18	u	u	• urut • turun	• tempurung • kebulur

(b) Kekecualian Keselarasan Vokal

- Pola kekecualian ialah pola yang tidak mematuhi sistem keselarasan vokal.
- Kekecualian ini digunakan untuk mengeja perkataan-perkataan daripada bahasa asing, khususnya bahasa-bahasa di Nusantara dan bahasa Inggeris.
- Terdapat 18 pola kekecualian keselarasan vokal bahasa Melayu.

	<i>Pola</i>		<i>Perkataan Contoh</i>	
	<i>Praakhir</i>	<i>Akhir</i>	<i>Bahasa Nusantara</i>	<i>Bahasa Inggris</i>
1	a	e taling	• aneh • kaget • pamer	• panel • karbaret
2	a	o	• calon • lakon • perabot	• atom • faktor • kontraktor
3	a	e pepet	• pakem	• barter • konstabel • teater
4	e pepet	e taling	• gembeng	• setem
5	e pepet	o	• jempol	• gabenor • interkom
6	e pepet	e pepet	• dendem • pepet	-
7	e taling	i	-	• objektif • tesis
8	e taling	u	-	• petroleum • spektrum
9	e taling	e pepet	-	• meter • Desember
10	i	e taling	• imlek	• kriket • simen • tiket
11	i	o	• pilon	• diftong • transistor
12	i	e pepet	• iseng	• filem • partikel • sistem
13	o	i	-	• fosil • polis • narkotik
14	o	u	-	• bonus • forum • korum
15	o	e pepet	-	• konsert • poster • Oktober
16	u	e taling	• tulen • ulet	• dokumen • monumen • subjek
17	u	o	• lelucon	• glukos • kupon • konduktor
18	u	e pepet	• lumer	• komputer • sumber

4. KAEDAH PENGEJAAN

4.1 Ejaan Kata Pinjaman

- Kata pinjaman atau kata serapan ialah perkataan yang diambil daripada bahasa asing, kebanyakannya daripada bahasa Inggeris dan bahasa Eropah lain.
- Kata yang diserapkan ke dalam bahasa Melayu dilakukan penyesuaian dari segi ejaan dan sebutannya.

(a) Penyesuaian fonem dan gugus fonem

- Menurut Ismail Dahaman (2000:15-19), terdapat 71 peraturan penyesuaian fonem dan gugus fonem. Namun begitu, antara yang lazim digunakan adalah seperti yang berikut:

	<i>Bahasa Inggeris</i>	<i>Contoh</i>	<i>Bahasa Melayu</i>	<i>Contoh</i>
1	ae	• aesthetics • haematite	e	• estetika • hematit
2	c	• cent • cylinder	s	• sen • silinder
3	ch	• machine	s	• mesin
4	ea	• beaker • grease	i	• bikar • gris
5	sc	• scooter • telescope	sk	• skuter • teleskop
6	ou	• accountant • pound	au	• akauntan • paun
7	ph	• graph • phoneme	f	• graf • fonem
8	q	• quality • technique	k	• kualiti • teknik
9	rh	• rhetoric • rhythm	r	• retorik • ritma
10	th	• anthropology • theory	t	• antropologi • teori
11	x	• express • taxi	ks	• ekspres • teksi
12	y	• dynasty • psychology	i	• dinasti • psikologi

(b) Mementingkan bentuk visual atau bentuk ejaannya

- Perubahan fonem asing dibuat sekiranya diperlukan sahaja.

<i>Bahasa Inggeris</i>
carbon
cartoon
dialogue
institute
structure

<i>Bahasa Melayu</i>
karbon
kartun
dialog
institut
struktur

- (c) **Dikecualikan daripada sistem keselarasan vokal sistem ejaan baharu bahasa Melayu.**

<i>Bahasa Inggeris</i>	<i>Bahasa Melayu</i>	
	<i>Betul</i>	<i>Salah</i>
atom	atom	atum
bonus	bonus	bonos / bunus
fossil	fosil	fosel / fusil
pistol	pistol	pestol / pistul
van	van	ben / ven

- (d) **Ejaan gugus konsonan daripada bahasa Inggeris**

- (i) Gugus konsonan dikekalkan bentuk asalnya dengan beberapa penyesuaian

<i>Bahasa Inggeris</i>	<i>Bahasa Melayu</i>	
	<i>Betul</i>	<i>Salah</i>
block	blok	belok
clinic	kllinik	kelinik
drama	drama	derama
script	skrip	sekerip
tradition	tradisi	teradisi

- (ii) Gugus konsonan pada beberapa perkataan tertentu yang menggunakan *e pepet* mengikut ejaan lama dikekalkan ejaannya.

Bahasa Inggeris	Bahasa Melayu		
	Betul		Salah
class	kelas		klas
glass	gelas		glas
grant	geran		gran
plan	pelan		plan
stamp	setem		stem

- (e) **Unsur asing selain gugus konsonan yang sudah diserap ke dalam bahasa Melayu dikekalkan kaedah ejaan bahasa Melayu itu.**

<i>Bahasa Inggeris</i>	<i>Bahasa Melayu</i>		
	<i>Betul</i>		<i>Salah</i>
bureau	biro		bureau
custom	kastam		kustom
driver	drebar		driber / driver
pension	pencen		pension
station	stesen		stesyen / setesen

4.2 Ejaan Kata Berimbuhan

- Kata berimbuhan atau dalam istilah bahasa kata terbitan ialah kata bentuk yang diberikan imbuhan sama ada pada permulaan perkataan (awalan), akhir perkataan (akhiran), atau permulaan dan akhir perkataan (apitan).

- (a) Semua jenis imbuhan serangkai atau bersambung dengan kata dasarnya atau bentuk akarnya.

<i>Imbuhan + Kata Dasar</i>	<i>Ejaan</i>
<i>ber-</i> + jaya	berjaya
<i>di-</i> + pancar	dipancar
<i>ke-</i> + kasih	kekasih
goda + <i>-an</i>	godaan
usaha + <i>-kan</i>	usahakan
mulai + <i>-i</i>	mulai
<i>per-</i> + jalan + <i>-an</i>	perjalanan
<i>meng-</i> + utama + <i>-kan</i>	mengutamakan
<i>ter-</i> + penuh + <i>-i</i>	terpenuhi

- (b) Tanda sempang (-) perlu digunakan apabila awalan *se-*, *anti-*, *pro-*, *pra-*, dan *pasca-* diimbuhan pada kata nama khas, iaitu perkataan yang bermula dengan huruf besar.

<i>Imbuhan + Kata Dasar</i>	<i>Ejaan</i>
<i>se-</i> + Nusantara	se-Nusantara
<i>anti-</i> + Arab	anti-Arab
<i>pro-</i> + Amerika	pro-Amerika
<i>pra-</i> + Meiji	pra-Meiji
<i>pasca-</i> + Soekarno	pasca-Soekarno

- (c) Penulisan bentuk *maha*

- Imbuhan *maha* ditulis bercantum sekiranya berfungsi sebagai imbuhan awalan, iaitu bercantum dengan kata nama.

<i>Maha + Kata Nama</i>	<i>Ejaan</i>
<i>maha-</i> + raja	maharaja
<i>maha-</i> + siswa	mahasiswa
<i>maha-</i> + karya	mahakarya

- Bentuk *maha* ditulis terpisah sekiranya kata dasar yang mengikutinya berupa kata adjektif, termasuk yang menunjukkan kata ganti nama Tuhan atau nama khas yang lain.

<i>Maha + Kata Adjektif / Kata Nama Khas</i>	<i>Ejaan</i>
<i>maha</i> + besar	maha besar
<i>maha</i> + luas	maha luas
<i>maha</i> + kaya	maha kaya
<i>Maha</i> + Esa	Maha Esa
<i>Maha</i> + Mulia	Maha Mulia

4.3 Ejaan Kata Majmuk

- Kata majmuk lazimnya dieja secara terpisah, tetapi bagi yang sudah mantap sebagai perkataan yang utuh akan dieja secara bercantum.

(a) Ejaan Terpisah

- | | | |
|------------------|------------------|-----------------|
| • bandar raya | • atur cara | • makan angin |
| • Naib Pengerusi | • cari gali | • mulut murai |
| • terima kasih | • mata pelajaran | • ringan tulang |

(b) Ejaan bercantum

- (i) Bentuk yang telah dianggap mantap sebagai satu perkataan yang utuh

- | | | |
|----------------|---------------|-----------------|
| • antarabangsa | • kerjasama | • sukarela |
| • beritahu | • matahari | • suruhanjaya |
| • bumiputera | • olahraga | • tandatangan |
| • jawatankuasa | • pesuruhjaya | • tanggungjawab |
| • kakitangan | • setiausaha | • warganegara |

- (ii) Bentuk yang lazimnya dieja bercantum

- | | | |
|--------------|--------------|--------------|
| • apabila | • dinihari | • manakala |
| • apakala | • dukacita | • padahal |
| • bagaimana | • hulubalang | • peribadi |
| • barangkali | • kadangkala | • peribahasa |
| • darihal | • kepada | • sukacita |
| • daripada | • manakala | • walhal |

- (iii) Kata majmuk yang ditulis terpisah berubah menjadi bercantum apabila digabungkan dengan imbuhan apitan.

- | | |
|----------------------------------|-----------------|
| • atur cara + <i>pe-...-an</i> | pengaturcaraan |
| • kemas kini + <i>me-...-kan</i> | mengemaskinikan |
| • kuat kuasa + <i>di-...-kan</i> | dikuatkuasakan |

4.4 Ejaan Kata Ganda

- Semua bentuk kata ganda menggunakan tanda sempang di antara bahagian kata yang diulang melainkan kata ganda separa.

- (a) **Kata dasar dan kata terbitan yang membentuk kata ganda penuh menggunakan tanda sempang di antara kata dasar dengan unsur ulangan.**

<i>Gandaan Kata Dasar</i>	<i>Gandaan kata terbitan</i>
• benar-benar	• jurusolek-jurusolek
• minum-minum	• pelayar-pelayar
• remaja-remaja	• subsistem-subsistem

(b) Kata terbitan yang mengalami penggandaan sebahagian diulang menggunakan tanda sempang di antara bahagian dasar dengan unsur yang diulang.

- meleret-leret
- berminggu-minggu
- kelima-lima
- pasang-pasangkan
- lama-kelamaan
- memporak-perandakan

(c) Bagi kata ganda berentak, tanda sempang digunakan di antara dua unsurnya.

- lauk-pauk
- mandi-manda
- ramah-tamah
- serta-merta
- tunggang-langgang

4.5 Ejaan Kata Klitik

- Kata klitik ialah kata ganti nama singkat.
- Terdapat empat bentuk kata klitik, iaitu *kau*, *ku*, *mu*, dan *nya*.
- Bentuk-bentuk tersebut perlu dicantumkan pada kata dasar yang mendahului atau mengikutinya berdasarkan keadaan.

Bahagian cantuman	Kata Klitik	Keadaan	Contoh
Di hadapan kata dasar	<ul style="list-style-type: none"> • kau • ku 	Lazimnya kata dasar terdiri daripada kata kerja	<ul style="list-style-type: none"> • kaulihat • kubawa
Di belakang kata dasar	<ul style="list-style-type: none"> • ku • mu • nya 	Lazimnya kata dasar terdiri daripada kata nama	<ul style="list-style-type: none"> • ibuku • makananmu • suratnya
		Jika dirujuk kepada Tuhan, huruf pertamanya merupakan huruf besar dan dicantumkan dengan tanda sempang (-)	<ul style="list-style-type: none"> • kehendak-Ku • rahmat-Mu • takdir-Nya

4.6 Ejaan *di* dan *ke*

- Bentuk *di* dan *ke* mempunyai dua fungsi berdasarkan konteks penggunaannya.

(a) Sebagai Kata Sendi Nama

- Kata sendi nama diejakan terpisah dengan kata nama atau kata arah yang mengikutinya

<i>di</i>	<i>ke</i>
<ul style="list-style-type: none"> • di bandar • di bawah • di tengah hutan 	<ul style="list-style-type: none"> • ke Dungun • ke selatan • ke tepi tasik

(b) **Sebagai Imbuhan Awalan**

- Imbuhan awalan diejakan bercantum dengan kata dasar yang mengikutinya.

<i>di</i>	<i>ke</i>
<ul style="list-style-type: none"> • dijaga • dikesampingkan • dikenali 	<ul style="list-style-type: none"> • kekasih • ketua • kemahuan

4.7 Ejaan Partikel Penegas

- Partikel ialah jenis kata penegas yang tidak dapat berdiri sendiri, iaitu **-kah**, **-lah**, **-tah**, dan **pun**.

(a) **Partikel -kah, -lah, dan -tah ditulis bercantum dengan perkataan yang mendahuluinya.**

<i>-kah</i>	<i>-lah</i>	<i>-tah</i>
<ul style="list-style-type: none"> • adakah • benarkah • siapakah 	<ul style="list-style-type: none"> • cepatlah • jauhilah • kalaulah 	<ul style="list-style-type: none"> • apatah • bilatah • manatah

(b) **Partikel *pun* ditulis dengan dua cara, bergantung kepada maksudnya.**

- (i) Ditetapkan ditulis serangkai atau bercantum dengan 13 perkataan telah ditetapkan (*Daftar Ejaan Rumi Bahasa Malaysia Edisi Kedua*, 1988:xxxvi). Bentuk ini merupakan penegas.

• adapun	• biarpun	• mahupun
• andaiapun	• kalaupun	• meskipun
• ataupun	• kendatipun	• sekalipun
• bagaimanapun	• lagipun	• sungguhpun
		• walaupun

- (ii) Partikel **pun** yang bererti “juga” atau “lalu” ditulis terpisah daripada perkataan di sampingnya (*Gaya Dewan Edisi Ketiga*, 2005:57).

- Apa-apa **pun** yang kami lakukan, dia tidak menghargainya.
- Apabila bapa Jelani sampai dia **pun** berlalu.
- Rambutnya **pun** tidak bersikat.

TANDA BACAAN BAHASA MELAYU

1. PENGENALAN

- Tanda bacaan digunakan untuk menentukan keberkesanan penyampaian mesej penulis kepada pembaca.
- Tanda bacaan sama pentingnya dengan ejaan. Sekiranya tanda bacaan yang tidak tepat digunakan, pembaca akan terkeliru kerana maksud pernyataan akan berubah.

2. KONSEP TANDA BACAAN

- *Tanda bacaan* ialah tanda dalam tulisan yang mempunyai fungsi yang tertentu.

3. BENTUK TANDA BACAAN

- Banyak bentuk tanda bacaan dalam bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, beberapa tanda yang penting sahaja dibincangkan di sini.

3.1 Tanda Noktah (.)

- Tanda noktah kerap juga dipanggil tanda titik.
- Fungsi utamanya sebagai penutup ayat.

	<i>Fungsi Tanda Noktah</i>	<i>Contoh</i>
1	Tanda berakhirnya atau lengkapnya sesuatu ayat	<ul style="list-style-type: none">• Mereka tidak mahu datang.• Jangan menyalahkan orang lain.• Akhlak diri sangat penting.
2	Akhir singkatan bagi jawatan, pangkat, dan sapaan	<ul style="list-style-type: none">• Dr. (Doktor)• Prof. (Profesor)• Kol. (Kolonel)• En. (Encik)• Sdr. (Saudara)• Hjh. (Hajah)
3	Kependekan nama	<ul style="list-style-type: none">• A. Samad Ahmad• O.T. Dussek• Talib Y.K.
4	Kependekan kata dalam frasa	<ul style="list-style-type: none">• b.p. (bagi pihak)• dll. (dan lain-lain lagi)• Sdn. Bhd. (Sendirian Berhad)
5	Selepas setiap nombor senarai	<ul style="list-style-type: none">• 1. Angin• 2. Tanah• 3. Api

3.2 Tanda Koma (,)

- Tanda koma berfungsi sebagai pemisah sesuatu unsur dalam binaan ayat.

	<i>Fungsi Tanda Koma</i>	<i>Contoh</i>
1	Memisahkan unsur kata dan frasa yang berturutan	<ul style="list-style-type: none"> • Emak membeli beras, gula dan minyak masak. • Bawakan saya kertas, pensel, pembaris dan pemadam. • Tikar, tilam, selimut dan bantal sudah diagihkan.
2	Selepas penanda wacana	<ul style="list-style-type: none"> • Sungguhpun begitu, dia tetap datang. • Kesimpulannya, budak itu memang bijak. • Oleh sebab itu, kita perlu bertindak pantas.
3	Selepas kata pembenar atau kata nafi pada awal ayat	<ul style="list-style-type: none"> • Benar, dia datang semalam. • Ya, bayaran sudah diterima. • Tidak, mereka perlu memohon maaf.
4	Memisahkan bahagian yang bertentangan maksud	<ul style="list-style-type: none"> • Orang itu bapa saudaranya, bukan abangnya. • Hal itu rekaan sahaja, tidak benar! • Kamu jangan masuk, kecuali dipanggil.
5	Memisahkan dialog dengan penerangan	<ul style="list-style-type: none"> • “Mereka sangat rapat,” ujar Mohendran. • Cikgu Suhaidi berkata, “Saya sampai lewat sedikit.”
6	Memisahkan keterangan dengan ayat induk dalam ayat songsang	<ul style="list-style-type: none"> • Suka atau tidak, kami perlu menyelesaikan kerja ini. • Sementara menunggu ibunya sampai, Anita membaca novel.
7	Memisahkan panggilan dengan hal yang hendak disampaikan	<ul style="list-style-type: none"> • Cikgu, saya mahu ke tandas sebentar. • Jasni, tegakkan badan kamu! • Nasi sudah dihidangkan, tuan.
8	Sebelum keterangan tambahan yang bermakna penjelasan atau pengkhususan	<ul style="list-style-type: none"> • Dia bangga akan abangnya, juruselam yang cekap. • Novelnya, <i>Setinggi Awan</i> diulang cetak lagi. • Komponen itu perlu dihantar segera, terutamanya untuk cawangan di Sabah.

3.3 Tanda Sempang (-)

- Tanda sempang melaksanakan fungsi sebagai perangkai dalam binaan perkataan.

	<i>Fungsi Tanda Sempang</i>	<i>Contoh</i>
1	Menunjukkan gandaan	<ul style="list-style-type: none"> • kuat-kuat • compang-camping • tersenyum-senyum • turun-temurun
2	Menegaskan ejaan dalam penulisan	<ul style="list-style-type: none"> • k-i-s-a-h, bukan k-e-s-a-h
3	Merangkaikan huruf kecil dengan huruf besar	<ul style="list-style-type: none"> • anti-Akta Hasutan • pro-Eropah • kuasa-Nya
4	Merangkaikan huruf dengan angka	<ul style="list-style-type: none"> • ke-51 • ke-123 • 40-an • 1980-an
5	Menyambung suku kata kerana penggantian baris	<ul style="list-style-type: none"> • Ketika kami ke rumahnya, dia sedang menyiram pokok bunga. Kami tidak dapat berbual lama dengannya kerana kami kesuntukan masa.

3.4 Tanda Soal (?)

- Penggunaan tanda soal berkaitan dengan persoalan atau keinginan untuk mengetahui sesuatu yang terzahir dalam bentuk pertanyaan.

<i>Fungsi Tanda Soal</i>		<i>Contoh</i>
1	Menunjukkan pertanyaan	<ul style="list-style-type: none"> • Sudah berapa lama dia sakit begitu? • Mengapakah aku diseksa? • Aku tidak penting, begitu?
2	Digunakan dalam kurungan untuk menandakan sesuatu pernyataan itu belum pasti kebenarannya	<ul style="list-style-type: none"> • Wang itu hilang itu berjumlah RM10.8 juta (?) • Pengerusi firma itu hendak meletakkan jawatan (?) • Dalam usianya 110 tahun (?), dia masih berupaya untuk berjalan tanpa tongkat.

3.5 Tanda Seru (!)

- Tanda seru digunakan untuk menyatakan perasaan dan arahan, yang melibatkan suara dinaikkan pada hujung ayat.

<i>Fungsi Tanda Soal</i>		<i>Contoh</i>
1	Menunjukkan seruan	<ul style="list-style-type: none"> • Wah, bergaya sungguh gadis itu! • Jangan bermain di situ! • Pergi!

3.6 Tanda Noktah Bertindih (:)

- Tanda ini berfungsi dalam binaan klausa dan juga binaan perkataan tertentu.

<i>Fungsi Tanda Noktah Bertindih</i>		<i>Contoh</i>
1	Menyenaraikan sesuatu butiran	<ul style="list-style-type: none"> • Dua hal sangat saya benci: Mengumpat dan cemburu. • Sediakan salinan bagi dokumen yang berikut: <ul style="list-style-type: none"> - Kad pengenalan - Muka butiran akaun - Surat arahan
2	Memisahkan sesuatu maklumat	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Morfologi: Satu Pengenalan</i> (judul buku) • Al-Baqarah 2:29 (surah 2, ayat 29) • Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (tempat penerbitan buku)
3	Menunjukkan kadar atau nisbah	<ul style="list-style-type: none"> • 1:3 • 3:6
4	Memisahkan jam dan minit bagi paparan waktu	<ul style="list-style-type: none"> • 8:00 pagi • 12:43 tengah hari • 2:08 petang • 7:00 malam

3.7 Tanda Pisah / Tanda Satar (–)

- Tanda pisah bersaiz satu en, iaitu lebih panjang daripada tanda sempang

<i>Fungsi Tanda Pisah</i>		<i>Contoh</i>
1	Memisahkan keterangan bagi idea atau siri idea	<ul style="list-style-type: none"> • Semua ingin dibolotnya – pangkat, harta, dan kemasyhuran. • Sifat-sifatnya itu – peramah, bertanggungjawab, rendah diri – menjadikan dia disayangi penduduk kampung.
2	Menunjukkan “hingga”	<ul style="list-style-type: none"> • Januari – Mac • 1941 – 1945 • 7:30 pagi – 12:30 tengah hari

3.8 Tanda Elipsis (...)

- Elipsis ialah tanda tiga titik secara berturutan yang mempunyai jarak biasa.
- Menunjukkan bahagian yang bertanda tiga titik itu ada dalam sumber asal tetapi tidak ditunjukkan.

<i>Fungsi Tanda Elipsis</i>		<i>Contoh</i>
1	Pengguguran bahagian asal, sama ada pada awal atau pada akhir ayat	<ul style="list-style-type: none"> • ...lebih mudah berbanding dengan teknik lain. • Dalam kesibukannya dia masih dapat.... • ...menunjukkan bahawa program itu semakin...

3.9 Tanda Kurung ()

- Terdapat dua jenis tanda kurung, iaitu tanda kurung siku [...] dan tanda kurung lengkung (...), tetapi yang biasa digunakan ialah tanda kurung lengkung.

<i>Fungsi Tanda Kurung</i>		<i>Contoh</i>
1	Mengapit keterangan tentang sesuatu yang disebut sebelumnya	<ul style="list-style-type: none"> • Kes terdahulu (kejadian langgar lari di Jalan Belintang) masih dalam siasatan. • Bangunan di sebelah kiri (berdekatan dengan bukit) ranap seluruhnya.
2	Mengapit akronim atau singkatan	<ul style="list-style-type: none"> • Universiti Sains Malaysia (USM) menjadi pilihan utamanya. • Projek itu diselenggarakan oleh Projek Lebu Raya Utara Selatan (PLUS).
3	Mengapit penjelasan sumber bahan	<ul style="list-style-type: none"> • ...13 perkataan telah ditetapkan (<i>Daftar Ejaan Rumi Bahasa Malaysia Edisi Kedua</i>, 1988:xxxvi) • Mengikut Abdullah Hassan (1986:51),... • Novel <i>Seteguh Karang</i> (Tuan Faridah Syed Abdullah, 1991) dijadikan teks Komsas.

3.10 Tanda Petik / Tanda Kutip Kembar (“...”)

- Terdapat dua bentuk tanda petik, iaitu tanda petik tunggal (‘...’) dan tanda petik kembar (“...”).
- Yang biasa digunakan ialah tanda petik kembar. Selalunya tanda petik tunggal berada di dalam frasa atau klausa yang sudah dimasukkan tanda petik kembar.

<i>Fungsi Tanda Petik</i>		<i>Contoh</i>
1	Mengapit cakap ajuk	<ul style="list-style-type: none"> • “Bila kamu mahu datang?” Tanya Jawahir. • “Mungkin seminggu lagi,” jawab Roslaili. • “Jangan lupa telefon saya dahulu.”
2	Mengapit petikan langsung daripada sesuatu sumber	<ul style="list-style-type: none"> • “Dalam pada itu, kita tidak pula melupakan bahawa di Sabah ada bahasa Kedayan yang sebenarnya adalah dialek dari bahasa Melayu”
3	Mengapit judul esei, puisi, lagu, atau bab buku	<ul style="list-style-type: none"> • Lagu “Negeraku” sedang dikumandangkan. • Bacalah bab “Penjodoh Bilangan untuk Kata Nama Bernyawa” dengan teliti sekali lagi. • Puisinya yang berjudul “Kita Masih Berbahagia” disiarkan dua hari lalu.

CARA MENGELUARKAN BUNYI BAHASA

(i) Cara Pengeluaran BUNYI VOKAL

JENIS BUNYI VOKAL			CONTOH KATA	CARA			
				Lidah	Keadaan bibir	Lelangit Lembut /Anak tekak	Udara (dari paru-paru)
Vokal hadapan	Sempit	[i]	intan jalin hari	depan lidah diangkat tinggi tetapi tidak menyentuh lelangit keras.	terhampar	diangkat rapat ke belakang rongga tekak untuk menutup rongga hidung.	menggetarkan pita suara dan dikeluarkan melalui rongga mulut tanpa halangan
	separuh sempit	[e]	elak toleh sate	depan lidah diturunkan 1/3 daripada [i]			
	Separuh Luas	[ɛ]*	ɛkar sɛwa taugɛ	depan lidah diturunkan 1/3 daripada [e]			
	Luas	[a]	asyik bantu duda	depan lidah diturunkan serendah-rendahnya			
Vokal tengah	-	[ə]	əmas tərang	tengah lidah diangkat ke kedudukan di antara separuh luas dan separuh sempit	biasa		
Vokal belakang	Sempit	[u]	udara celupar seru	belakang lidah diangkat tinggi tetapi tidak menyentuh lelangit lembut.	bundar		
	separuh sempit	[o]	olak topi veto	belakang lidah diturunkan 1/3 daripada [u]			
	Separuh Luas	[ɔ]*	ɔrang bɔsan duɔ	belakang lidah diturunkan 1/3 daripada [o]			

* Bunyi yang digunakan dalam dialek

(ii) Cara Pengeluaran BUNYI KONSONAN

JENIS BUNYI KONSONAN		KATEGORI BUNYI	CONTOH KATA	CARA				
				Pita suara	Halangan udara (dari paru-paru)	Lelangit lembut		
Letupan	dua bibir	[p]	tak bersuara	paku lepas hadap	tak bergetar	dilepaskan serta-merta	dinaikkan rapat ke belakang rongga tekak untuk menutup rongga hidung	
		[b]	bersuara	bunga tebu darab **	bergetar			
	(gigi)-gusi	[t]	tak bersuara	tolak santun luput	tak bergetar			tersekat pada rapatan hujung lidah dengan gusi atas
		[d]	bersuara	dagu sedap abjad **	bergetar			
	lelangit lembut	[k]	tak bersuara	kumpul sangkut -	tak bergetar			tersekat pada rapatan belakang lidah dengan lelangit lembut
		[g]	bersuara	gajah lega beg **	bergetar			
	(hentian) glotis/pita suara	[?]	tak bersuara	la?sana tari? ma?af ka?edah	tak bergetar			tersekat pada rapatan pita suara
Letusan	lelangit keras	[c]	tak bersuara	cuba baca koc **	tak bergetar	dilepaskan perlahan- lahan		
		[j]	bersuara	jari kerja garaj **	bergetar			

** Bunyi ini jika di hujung kata menunjukkan kata itu pinjaman

JENIS BUNYI KONSONAN		KATEGORI BUNYI	CONTOH KATA	CARA				
				Pita suara	Halangan udara (dari paru-paru)	Lelangit lembut		
Geseran	gusi	[s]	tak bersuara	sungguh basah lepas	tak bergetar	bergeser pada sempitan hujung lidah dengan gusi	dinaikkan rapat ke belakang rongga tekak – menutup rongga hidung	
	glotis	[h]	tak bersuara	hasil rahsia susah		bergeser pada bukaan sempit glotis/pita suara		
	bibir- gigi	[f]+	tak bersuara	fikir sulfur insaf		bergetar		bergeser pada sempitan bibir bawah dengan gigi atas
		[v]+	bersuara	variasi levi -				
	gigi	[θ]+	tak bersuara	θanawi miθali hadiθ	tak bergetar	bergetar		bergeser pada sempitan depan lidah yang diletakkan di antara gigi atas dengan gigi bawah
		[ð]+	bersuara	iðram kaði nusuð				
	gigi-gusi	[z]+	bersuara	zakat enzim hafiz	tak bergetar	bergeser pada sempitan lidah dengan gigi-gusi		
	lelangit keras	[š]+	tak bersuara	šarat mešuarat skuaš		bergeser pada sempitan tengah lidah dengan lelangit keras		
	lelangit lembut	[x]+	tak bersuara	xabar axir tarix	tak bergetar	bergetar		bergeser pada sempitan belakang lidah dengan lelangit lembut
		[ɣ]+	bersuara	yaib mayrib baliy				

+ Bunyi pinjaman

JENIS BUNYI KONSONAN			KATEGORI BUNYI	CONTOH KATA	CARA		
					Pita suara	Halangan udara (dari paru-paru)	Lelangit lembut
Getaran	gusi	[r]	bersuara	rambut jarang besar	bergetar	menggetarkan hujung lidah yang menyentuh gusi atas berkali-kali	dinaikkan rapat ke belakang rongga tekak – menutup rongga hidung
Sisian	gusi	[l]	bersuara	ladang belakang bekal	bergetar	melalui tepi kiri dan kanan hujung lidah yang menyentuh bahagian tengah gusi atas	
Separuh vokal	Dua bibir	[w]	bersuara	wanita lawan (takraw)	bergetar	bibir dibundarkan dan hampir tertutup, kemudian lidah digeluncurkan pantas ke arah [ə]	dinaikkan rapat ke belakang rongga tekak – menutup rongga hidung
	lelangit keras	[y]		yakin bayar -		bibir dihamparkan dalam keadaan sempit, kemudian lidah digeluncurkan pantas ke arah [ə]	
Sengau	Dua bibir	[m]	bersuara	melati bumi ancam	bergetar	tersekat pada rapatan dua bibir dan melalui rongga hidung	diturunkan – membolehkan rongga hidung terbuka
	gusi	[n]		negara senarai tuan		tersekat pada rapatan hujung lidah dengan gusi dan melalui rongga hidung	
	lelangit keras	[ŋ]		ŋawa bajak		tersekat pada rapatan tengah lidah dengan lelangit keras dan melalui rongga hidung	
	lelangit lembut	[ŋ]		ŋilu seŋet pulan		tersekat pada rapatan belakang lidah dengan lelangit lembut dan melalui rongga hidung	

(iii) Cara Pengeluaran BUNYI DIFTONG

BUNYI DIFTONG	CONTOH KATA	CARA			
		Geluncuran Lidah	Keadaan Bibir	Udara (dari paru-paru)	Lelangit lembut
[ai]	hairan sungai	daripada penyebutan vokal depan [a] ke arah penyebutan vokal depan [i] dalam satu hembusan nafas	terhampar	menggetarkan pita suara – dikeluarkan tanpa sekatan melalui rongga mulut	terangkat rapat ke belakang rongga tekak – menutup rongga hidung.
[au]	audit taufan surau	daripada penyebutan vokal depan [a], ke arah penyebutan vokal belakang [u] dalam satu hembusan nafas	daripada terhampar kepada bundar		
[oi]	boikot amboi	daripada penyebutan vokal belakang [o], ke arah penyebutan vokal depan [i] dalam satu hembusan nafas	daripada bundar kepada terhampar		